


Laporan Tahunan 2015



مجلس ائمہ اسلام
دان عادت ملايو فيراق

مجلis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK



KANDUNGAN

Pernyataan Korporat	09
Penyata Yang Dipertua	19
Ulasan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif	25
Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman	35
Analisa Pengurusan 2015	43
Informasi Korporat	55
Sorotan Aktiviti Teras Sepanjang 2015	67
Sorotan Aktiviti Dalaman Sepanjang 2015	71
Laporan Kewangan	75
Keratan Akhbar	119
Direktori MAIPk	125







*Daulat
Tuanku*




DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

IBNI ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH
D.K., D.K.S.A., D.K.A., D.K. (Kelantan), D.K. (Selangor), D.K.N.S., D.K. (Perlis), Ph.D.
(Harvard)

Sultan, Yang Di-Pertuan dan Raja Pemerintah Negeri Perak Darul Ridzuan



DULI YANG MAHA MULIA
RAJA PERMAISURI PERAK DARUL RIDZUAN
TUANKU ZARA SALIM
D.K.S.A., D.K.A.




"Sekali-kali janganlah orang-orang yang bakhil dengan harta yang Allah berikan dari kurnia-Nya menyangka, bahawa kebakhilan itu baik bagi mereka. Sebenarnya kebakhilan itu adalah buruk bagi mereka. Harta yang mereka bakhilkan itu akan membelit leher mereka pada hari kiamat."

(Surah Ali Imran, ayat 180)

مَجْلِسُ اِحْمَامِ اِسْلَامِ مَالَانِ عَادَاتِ مَهْلِيَّوْ شِيرَاقْ

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK



PERNYATAAN KORPORAT


مجلس ائام مسلم ملان عادلة مهليو شيراتون

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

محلیس اکام اسلام
دان عادت ملابو فیراق



Citra Logo




Warna putih membawa maksud kesucian, ketulusan dan akauntabiliti MAIPk sebagai sebuah institusi Islam.

Warna kuning membawa maksud kesatuan pemikiran dan tindakan bagi mencapai visi dan misi MAIPk.

Warna hitam membawa maksud kemampunan, berdaya maju dan kekal relevan sepanjang masa merentasi peredaran zaman.

Logo ini secara keseluruhannya melambangkan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) sebagai sebuah institusi Islam yang progresif dan dinamik dalam memartabatkan agama Islam dan adat Melayu di bawah payung pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.



Moto : Memperteguh Syariat,
Melestari Adat



مجلس ائام اسلام ملاة عادة مهنيو شيرماق

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Nilai-Nilai Korporat

Muafakat

Kemuafakatan MAIPk bersama semua agensi berkaitan dalam melaksanakan amanah membantu kebajikan umat Islam yang berkonseptan prinsip ta'awun.

Akrab (Semangat Berpasukan)

Menerapkan semangat kerja berpasukan di kalangan warga MAIPk dengan mengembangkan tenaga, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman secara bersama serta bersungguh-sungguh.

Integriti

Nilai tinggi dalam perkhidmatan yang berpegang teguh kepada amanah dan ihsan.

Profesionalisme

Sentiasa bersikap rasional dan matang dalam sebarang tindakan dan keputusan.

Kesederhanaan

Mengamalkan kesederhanaan personaliti dan ketinggian kompetensi berdasarkan prinsip wasatiah.

Jati Diri Korporat

Visi

Menjadi institusi islam yang syumul dalam memacu kemajuan dan kesejahteraan ummah berlandaskan Al-Quran dan Al-Sunnah

Meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi pengukuhan pengurusan baitulmal yang efektif dan dinamik dengan mengamalkan tadbir urus cemerlang berlandaskan ketulusan, integriti dan profesionalisme yang tinggi

Misi

- Memartabatkan institusi zakat melalui sistem pungutan dan agihan yang berkesan
- Mentadbir harta baitulmal dan wakaf bagi tujuan memelihara kemaslahatan ummah
- Menjana kualiti perkhidmatan budaya kerja cemerlang dan dinamik serta pengurusan kewangan yang sistematik dengan memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi secara maksimum

Objektif

***Memperteguh Syariat,
Melestari Adat***

Moto

Sejarah Penubuhan

Negeri Perak merupakan salah sebuah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Federated Malay States) yang ditubuhkan menerusi Perjanjian Bersekutu (Treaty Of Federation) Pada 1 Julai 1896. Pada ketika itu, Majlis Raja-Raja Melayu bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Perak, Pahang, Selangor Dan Negeri Sembilan) telah ditubuhkan untuk membincangkan hal ehwal dan kepentingan bersama di antara Raja-Raja Melayu dengan pemerintahan British. Negeri Perak menjadi tuan rumah kepada mesyuarat pertama Majlis Raja-Raja Melayu bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu atau lebih dikenali sebagai mesyuarat Durbar, yang telah diadakan pada 13 hingga 17 Julai 1897 bertempat di Istana Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak.

Sebagaimana yang telah dipersetujui dengan pihak British, bermula daripada Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874 hingga ke penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, suatu ketetapan telah disepakati secara bersama, bahawa, segala perkara berhubung hal ehwal Agama Islam (Islamic Affair) dan Adat Melayu (Malay Custom) hendaklah berada di bawah bidang kuasa Raja Melayu. Justeru, Ketua Agama Islam dan Adat Melayu yang berkuasa penuh di Negeri Perak pada zaman itu, ialah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Amalan ini dikekalkan hingga ke hari ini.

Dari sudut sejarah, undang-undang tertua berhubung hal ehwal agama Islam yang telah dikuatkuasakan di Negeri Perak ialah (Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan) (Ninety nine Laws of Perak) yang telah diamalkan sehingga ke tahun 1900. Bagaimanapun, tidak dapat dipastikan dengan tepat tarikh permulaan kuat kuasa undang-undang tersebut. Adalah dipercayai, undang-undang itu telah mula dilaksanakan semenjak pemerintahan Al-Marhum Sultan Idris Murshidul A'azam Shah Ibni Al-Marhum Raja Bendahara Alang Iskandar (1887 hingga 1916).

Kemudiannya, pada tahun 1900, satu undang-undang yang dinamakan Undang-Undang Pentadbiran Perkahwinan Orang-orang Islam Bab 197 Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah diperkenalkan dan dikuatkuasakan. Berikutan itu, sebuah bangunan telah didirikan di kawasan Pejabat Kadi Wilayah Kuala Kangsar untuk dijadikan sebuah ibu pejabat pentadbiran Islam yang dinamakan sebagai 'Balai Syara'. Seorang Kadi Besar telah dilantik bagi mengetuai Kadi-Kadi Wilayah dan ditempatkan di sini. Pada ketika itu wilayah-wilayah kadi yang dikuatkuasakan ialah Kuala Kangsar, Taiping, Simpang Lima, Selama, Lenggong, Ipoh, Batu Gajah, Parit, Sitiawan, Teluk Intan, Tapah dan Tanjung Malim. Kadi Besar pertama yang dilantik ialah Tuan Habib Abdullah.

Dalam tahun 1917, Komiti Quran Perak pula telah ditubuhkan bertujuan untuk mengawal dan memantau pengendalian pengajaran agama Islam di Negeri Perak. Pengurus pertama yang dilantik ialah Sultan Iskandar Shah Ibni Al-Marhum Sultan Idris Rahmatullah Shah (1918-1938), yang merupakan Raja Bendahara Perak pada ketika itu. Komiti Quran Perak ini juga, turut bertindak sebagai Komiti Syariah Negeri Perak, yang bertanggungjawab dalam segala hal berkaitan dengan pentadbiran agama Islam secara umum pada masa itu termasuklah mengeluarkan kebenaran bagi penerbitan buku-buku agama, pentaulianan mengajar dan sebagainya.

Menjelang pertengahan tahun 1947, ketika tanah air bergolak hebat dengan perjuangan menentang Malayan Union (ditubuhkan 1 April 1946), beberapa pergerakan, pertubuhan dan persatuan telah muncul memperjuangkan semangat nasionalisme bangsa menentang penjajahan British. Antara persatuan yang begitu lantang bersuara di Negeri Perak pada ketika itu ialah Persatuan Melayu Perak. Atas inisiatif persatuan inilah maka, satu perjumpaan para alim ulama telah diadakan pada 10 Ogos 1947 bertempat di Madrasah Iskandariah Kuala Kangsar. Pada pertemuan itu, Dato' Seri Ali Zaini bin Haji Muhamad Zain, bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Perak, telah mencetuskan idea yang bernas bagi menubuhkan sebuah pusat agama secara rasmi untuk mentadbir hal ehwal agama Islam di Negeri Perak.

Tanggal 21 Januari 1948, merupakan suatu detik bersejarah yang amat bermakna bagi Negeri

PERNYATAAN KORPORAT

Perak apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Aziz Al-Mu'tasim Billah Shah Ibni Al-Marhum Raja Muda Musa (1938-1948) menandatangani suatu perjanjian dengan Sir Gerard Edward James Gent (Pesuruhjaya Tinggi British/ Gabenor-Jeneral Malayan Union) yang mewakili Kerajaan British. Perjanjian yang dinamakan sebagai Perjanjian Negeri Perak 1948 tersebut, telah membawa kepada pembentukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak serta penubuhan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak tersebut telah dikuatkuasakan pada 1 Februari 1948 di bawah pemerintahan baginda sultan.

Dengan berkuatkuasa Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri itu, hasrat untuk menubuhkan sebuah pusat pentadbiran agama Islam di Negeri Perak akhirnya dapat direalisasikan. Kuasa untuk menubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak dinyatakan secara jelas di bawah Fasal VI.(1) Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak iaitu :

“Kepala Ugama negeri ini ialah Yang Maha Mulia, dan Yang Maha Mulia akan memerintahkan supaya diadakan Undang-undang untuk mengaturkan perkara-perkara ugama dan menubuhkan sebuah Majlis Ugama Islam dan ‘adat Melayu bagi menolong dan menasihatkan Yang Maha Mulia berkenaan dengan perkara-perkara yang bersabit dengan Ugama Negeri ini dan ‘adat Melayu.”

Kesultanan Perak

 SULTAN PERAK KE-26 SULTAN ABDULLAH MUHAMMAD SHAH	 SULTAN PERAK KE-27 SULTAN YUSUF SHARIFUDDIN MUDZAFFAR SHAH	 SULTAN PERAK KE-28 SULTAN IDRIS MURSHIDUL ADZAM SHAH	 SULTAN PERAK KE-29 SULTAN ABDUL JALIL KARAMATULLAH SHAH	
 SULTAN PERAK KE-30 SULTAN ISKANDAR SHAH	 SULTAN PERAK KE-31 SULTAN ABDUL AZIZ ALMUSTASIM BILLAH SHAH	 SULTAN PERAK KE 32 SULTAN YUSUF IZZUDDIN SHAH	 SULTAN PERAK KE 33 SULTAN IDRIS ISKANDAR AL MUTAWAKKIL ALLAHI SHAH	 SULTAN PERAK KE-34 SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL MAGHFUR-LAH

Setelah kemangkatan baginda Sultan Abdul Aziz Al-Mu'tasim Billah Shah pada 29 Mac 1948, takhta kerajaan Negeri Perak diwarisi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarullahulah Ibni Al-Marhum Sultan Abdul Jalil Nasiruddin Al-Mukhataram Karamatullah Shah (1948-1963). Kerajaan Negeri pada ketika itu dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak, Orang Kaya-Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja, Dato' Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz (1948-1957).

Pada masa pemerintahan baginda Sultan Yussuf Izzuddin Shah inilah, maka, Kerajaan Negeri secara rasmi menubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak pada 1 Muharam 1369 Hijrah bersamaan 23 Oktober 1949. Undang-undang khusus berhubung pentadbiran agama Islam dan adat Melayu di negeri ini telah diluluskan secara rasmi pada Mei 1952.

Dengan penubuhan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, pentadbiran Balai Syara' dan Komiti Quran Perak yang berada di Kuala Kangsar, telah disatukan di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak dan dipindahkan ke Ipoh. Manakala, pentadbiran Balai Syara' yang sedia ada telah diserapkan di bawah pentadbiran Pejabat Kadi Kuala Kangsar. Pejabat rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak yang pertama telah ditempatkan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Bagi memperkemaskan lagi pentadbiran agama Islam dan adat Melayu di Negeri Perak, undang-undang yang berkaitan dengannya telah disemak, dipinda dan digubal beberapa kali. Pada tahun 1965, sebuah undang-undang yang dinamakan sebagai Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam 1965 (Enakmen Bil. 11 Tahun 1965) telah dikuatkuasakan bagi menggantikan undang-undang tahun 1952. Kemudian, pada 13 Januari 1993, Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam 1965 tersebut telah digantikan pula dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 (Enakmen Bil. 2 Tahun 1992). Di bawah Enakmen Bil. 2 Tahun 1992 tersebut, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu telah diperbadankan secara rasmi sebagai sebuah badan berkanun kerajaan. Bagi tujuan keseragaman dengan negeri-negeri lain seluruh Malaysia, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 tersebut, akhirnya digantikan pula dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Enakmen Bil. 4 Tahun 2004). Enakmen Bil. 4 Tahun 2004 tersebut telah dikuatkuasakan pada 15 September 2004 dan masih kekal berkuatkuasa sehingga kini. Entiti Majlis Agama Islam dan Adat Melayu juga masih dikekalkan sebagai sebuah badan berkanun.



Sesungguhnya orang-orang yang beriman,
mengerjakan amal saleh, mendirikan shalat dan
menunaikan zakat, mereka mendapat pahala
di sisi Tuhan-Nya. Tidak ada kekhawatiran
terhadap mereka dan tidak (pula) mereka
bersedih hati.

Surat Al-Baqarah Ayat 277

مجالس ائمۃ اسلام ملاک عادۃ ملکیو شیراқ

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Penyata Yang Dipertua

**“APA JUA TINDAKAN KITA,
IMPAKNYA HENDAKLAH
MENDATANGKAN PERBEZAAN”**

Bismilahi Rahmanir Rahim

Dengan penuh rasa tawaduk, saya bagi pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Majlis) dengan sukacitanya mempersembahkan Laporan Tahunan Majlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2015.

Alhamdulillah, saya merafakkan syukur ke hadrat Ilahi kerana masih mengurniakan kekuatan, semangat dan iltizam untuk terus memimpin Majlis hingga ke hari ini, bermula daripada hari pertama pelantikan saya sebagai Yang Dipertua (YDP) Majlis pada Oktober 2014 yang lalu. Mengambil alih legasi kepimpinan yang diwarisi daripada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah, setelah baginda melepaskan jawatan kerana ditabalkan sebagai Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Yang Ke-35, sudah tentulah bukan merupakan suatu tugas yang mudah. Sesungguhnya, baginda telah meletakkan suatu tanda aras prestasi yang paling tinggi dan pastinya amat sukar bagi saya untuk menyamainya.



مجلیس اکام اسلام
دان عادت ملايو فیراک

مجلیس اکام اسلام
دان عادت ملايو فیراک

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

PENYATA YANG DIPERTUA

Kepercayaan dan keyakinan baginda tuanku mentauliahkan saya sebagai YDP Majlis dianggap suatu cabaran baru dalam lembaran hidup saya. Menerajui suatu agensi yang menjadi wadah pembela umat Islam khususnya di Negeri Perak, menuntut suatu komitmen yang tinggi. Justeru, dalam perutusan sulung saya sebagai YDP Majlis pada Persidangan Majlis Kali Ke-188 bertarikh 16 Oktober 2014 yang lalu, saya telah menekankan betapa pentingnya nilai kebersamaan dalam menerapkan budaya kerja berprestasi tinggi – memadu tekad – mengembang tenaga menuju ke arah visi, misi dan objektif yang dimatlamatkan berteraskan kepada suatu prinsip kerja – “apa jua tindakan kita, impaknya hendaklah mendatangkan perbezaan”.

PENCAPAIAN TAHUN 2015

2015 merupakan tahun yang begitu getir. Kelembapan ekonomi serantau akibat kejatuhan permintaan dan harga komoditi seperti minyak mentah Brent dan minyak sawit mentah serta ketidakpastian tinggi ke atas pasaran kewangan global sudah pasti memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia, ditambah pula permintaan dalaman negara yang sederhana serta penyusutan nilai ringgit yang ketara.

Meskipun berdepan pelbagai rintangan, negara kita masih mampu merekodkan pertumbuhan ekonomi yang agak baik pada tahun 2015

dengan catatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 5%, walau terpaksa mengharungi cabaran pelaksanaan Cukai Barang dan Perkidmatan (Goods and Services Tax - GST) yang bermula April 2015.

Persekutuan ekonomi negara yang masih baik, didorong pula faktor kestabilan ekonomi domestik di Negeri Perak telah memberikan rangsangan kepada Majlis untuk mencapai prestasi cemerlang bagi tahun 2015. Berbekalkan keyakinan dan sokongan berterusan masyarakat Muslim di negeri ini, Majlis telah berjaya mencatatkan pungutan zakat tertinggi sejak penubuhannya pada tahun 1949.

Pada tahun 2015, Majlis telah mencatatkan pungutan zakat berjumlah RM136.31 juta, meningkat 13.55% daripada pungutan tahun terdahulu yang mencatatkan jumlah RM120.04 juta. Peningkatan ini banyak disumbangkan oleh pungutan zakat harta yang meningkat 13.27% daripada catatan tahun lalu berjumlah RM66.83 juta kepada RM75.70 juta pada tahun ini, serta pungutan zakat perniagaan yang meningkat 24.48% daripada catatan tahun lalu berjumlah RM38.14 juta kepada RM47.47 juta pada tahun ini.

Bagi memenuhi amanah para pembayar zakat, Majlis telah mengagihkan sebanyak RM177.14 juta bagi tahun 2015. Jumlah ini melebihi 29.96% atau RM40.83 juta berbanding pungutan zakat yang dicatatkan bagi tahun 2015. Kekurangan



¹ Jabatan Perangkaan Malaysia, Akaun Negara Keluaran Dalam Negeri Kasar 2015



yang berlaku ini ditampung menggunakan rizab dalaman Majlis terdiri daripada dana zakat diterima pada hujung tahun sebelumnya yang tidak sempat dihabisi serta perolehan daripada keuntungan bank terkumpul.

Pengagihan zakat melebihi 100% ini mencerminkan tekad dan kesungguhan pihak Pengurusan Majlis melaksanakan amanah yang digalas untuk memastikan dana zakat disampaikan sepenuhnya kepada golongan asnaf selaras dengan kehendak syarak. Pengurusan Majlis amat menitikberatkan prinsip keadilan dan jangkauan sepenuhnya (total outreach) dalam mengagihkan zakat.

Prestasi pengurusan kewangan sumber am baitulmal juga mencatatkan pencapaian yang cemerlang bagi tahun 2015. Perolehan sumber am baitulmal mencatatkan jumlah RM15.23juta, meningkat 54.58% berbanding perolehan yang dicatatkan pada tahun terdahulu berjumlah RM9.85 juta. Manakala, prestasi perbelanjaan sumber am pula mencatatkan jumlah RM9.03 juta, meningkat 28.38% berbanding prestasi perbelanjaan yang dicatatkan pada tahun terdahulu berjumlah RM7.03 juta. Sebahagian besar perbelanjaan di bawah dana sumber ini ditumpukan kepada pengurusan dan penyelenggaraan harta-harta baitulmal.

APA YANG TELAH KAMI LAKUKAN

Zakat merupakan salah satu komponen penjanaan hasil baitulmal selain wakaf, sumber am dan amanah. Sebagai penyumbang dana terbesar, zakat berperanan sebagai pendokong utama dalam pengukuhan baitulmal yang menjadi perbendaharaan dan nadi penggerak kepada operasi kendalian Majlis.

Didorong faktor tekanan ekonomi semasa, Majlis terpaksa membuat pengagihan zakat melebihi pungutan bagi tahun 2015, dengan defisit mencecah hampir 30% berbanding perolehan tahun semasa. Agihan keseluruhan berjumlah RM177.14 juta yang direkodkan bagi tahun 2015 telah mencatatkan peningkatan yang begitu signifikan sebanyak 40.42% atau RM50.99 juta berbanding agihan yang telah direkodkan pada tahun sebelumnya berjumlah RM125.15 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak 12.21% atau RM21.63 juta telah digunakan untuk pengurusan amil, 53.99% atau RM95.64 juta diagihkan kepada asnaf fakir dan miskin, 6.36% atau RM11.27 juta diagihkan kepada asnaf muallaf, 0.73% atau RM1.29 juta diagihkan kepada asnaf ghorimin, 0.74% atau RM1.31 juta diagihkan kepada asnaf ibnu sabil, dan 25.97% atau RM45.99 juta diagihkan kepada asnaf fisabilillah.

Selain memenuhi amanah dan tanggungjawab dalam pengagihan zakat, agihan secara total yang ditunjukkan itu memberikan gambaran bahawa, pihak Pengurusan Majlis sentiasa peka dan reaktif terhadap persekitaran semasa, dan sentiasa responsif terhadap kepentingan dan keperluan masyarakat. Sesuai dengan peranannya sebagai wadah pembela ummah, Majlis menjadi pusat sehenti kepada mereka yang memerlukan bantuan terutamanya golongan asnaf. Setiap permohonan yang diterima akan disantuni sewajarnya, dan setiap bantuan yang disalurkan boleh dimanfaatkan sepenuhnya untuk memperbaiki kehidupan dan meneruskan kelangsungan hidup. Pintu Majlis sentiasa terbuka untuk membantu sesiapa sahaja individu Muslim yang berkelayakan tanpa mengira ras dan latar belakang.

Untuk itu, pihak Pengurusan Majlis telah merangka pelbagai program yang memberi impak kepada pembangunan modal insan khususnya kepada golongan asnaf. Seiring dengan komitmen Kerajaan Negeri untuk menangani masalah kemiskinan, Majlis turut membantu dengan merangka beberapa program pembangunan dalam bentuk skim-skim bantuan tertentu kepada golongan asnaf. Antara skim bantuan yang dilihat begitu relevan dan memberi impak yang berkesan ialah Skim Bantuan Saraan Bulanan, Skim Bantuan Sekali gus, Skim Bantuan Modal, Skim Bantuan Perubatan, Skim Bantuan Pendidikan dan Persekolahan Anak serta Skim Bantuan Membina atau Membaik pulih Rumah.

PROSPEK TAHUN HADAPAN

Membuka lembaran tahun yang baru, ekonomi global dijangka berkembang pada tahap yang sederhana. Persekutuan ekonomi dunia yang kian mencabar memberi petanda bahawa, pertumbuhan ekonomi domestik juga akan turut terjejas dan bakal berkembang pada kadar yang perlakan. Namun, dengan asas yang kukuh, negara mampu mengharungi cabaran, berdepan pelbagai rintangan untuk terus mengekalkan kestabilan dan kemapanan ekonomi. Untuk itu, warga Majlis harus mempersiapkan diri dengan kekuatan spiritual, mental dan fizikal agar sentiasa bersedia mendepani apa juar tentangan. Ketidaktentuan global yang bakal mewarnai persekitaran ekonomi domestik, tidak seharusnya melemahkan semangat juang warga pengurusan Majlis, malah, sebaliknya menyuntik kekuatan dan rangsangan yang

baharu kepada seluruh warga jenteranya untuk melipatgandakan usaha secara kolektif dengan kesepadan tekad selangkah demi selangkah menuju matlamat yang dihasratkan – agar sekepal menjadi gunung, setitik menjadi laut.

Berteraskan keyakinan berterusan masyarakat Muslim terhadap institusi baitulmal yang ditadbir oleh Majlis, khususnya di Negeri Perak, pihak Pengurusan Majlis telah meletakkan tanda aras pencapaian yang lebih tinggi pada tahun hadapan. Pencapaian yang disasarkan itu sudah tentunya didasari perancangan yang teliti lagi strategik, disusun dan direncanakan sedemikian rupa agar matlamat yang disasarkan berjaya dicapai, bak kata pepatah Melayu – bagai ditanam, begitulah tuainya.

Justeru, dalam kesungguhan umat Islam mengejar kemajuan untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan, amalan dari sudut berzakat dan bersedekah tidak harus dilupakan. Melalui sumbangan zakat dan sedekah inilah baitulmal berupaya menjadi perbendaharaan bagi umat Islam, yang mendokong aspirasi dan harapan kepada golongan yang memerlukan bantuan khususnya di Negeri Perak. Dalam hal ini Majlis senantiasa memainkan peranannya dalam menyedarkan masyarakat Islam di Negeri Perak agar membudayakan amalan berzakat dan bersedekah untuk kejayaan hakiki duniawi dan ukhrawi.

PENGHARGAAN

Bak kata pepatah Melayu – “Ibarat pohon besar di tengah padang, tempat bernaung kepanasan, tempat berlindung kehujanan, uratnya tempat bersila, batangnya tempat bersandar”, keperihatinan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak terhadap urus tadbir Majlis dan caknanya Baginda Tuanku terhadap perkembangan semasa dan perjalanan operasi Majlis amatlah patik sekalian sanjungi. Justeru, patik bagi pihak Anggota Majlis sekalian, dengan sukacitanya merafakkan junjungan setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku, dan mendoakan agar Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan sentiasa dirahmati dan diberkati Allah SWT.

Sekalung penghargaan juga saya sampaikan kepada pihak Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan, Kerajaan Persekutuan, badan-badan kerajaan dan semua badan lain yang berkaitan, rakan strategik, para pelanggan dan, orang



ramai khususnya rakyat Negeri Perak yang senantiasa memberikan sokongan yang berterusan kepada Pentadbiran Majlis.

Akhir sekali, penghargaan yang tinggi juga saya tujukan khusus kepada pihak Pengurusan Majlis yang terdiri daripada pelbagai lapisan peringkat warga kerja. Sesungguhnya, warga kerja Majlis merupakan tulang belakang dan nadi penggerak utama perjalanan operasi Majlis. Justeru, bagi pihak Majlis, saya turut mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan kalungan tahniah dan ucapan syabas ke atas kecemerlangan yang telah dicatatkan bagi tahun 2015. Sesungguhnya, prestasi cemerlang sedemikian tidak mampu dicapai tanpa kesungguhan, dedikasi dan komitmen kerja yang tinggi di kalangan seluruh warga kerja berbekalkan semangat, tekad dan kerjasama yang kolektif dan sinergi menuju suatu matlamat yang sama.

Melangkah ke hadapan, saya dengan penuh yakin bahawa, Majlis akan terus relevan untuk menjadi sebuah organisasi di arus perdana yang berperanan penting untuk memacu kesejahteraan, kecemerlangan dan kemajuan ummah. InsyaAllah, Majlis juga akan terus

menjunjung aspirasi rakyat yang beragama Islam, khususnya di Negeri Perak Darul Ridzuan, untuk menjadi benteng utama dalam mempertahankan kesucian dan keluhuran agama Islam sesuai dengan moto yang dizahirkan - "Memperteguh Syariat, Melestari Adat".

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid
bin Mohd Noordin
Yang Dipertua
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak**



Rasulullah s. a. w. mengingatkan kita dengan sabdanya yang bermaksud : “Tidak beriman dengan aku seseorang Muslim yang tidur dalam keadaan kenyang sedangkan dia tahu jirannya dalam kelaparan”,

(Riwayat Muslim)

مجلس ائمۃ اسلام مالاک عادۃ صلیو فیراء

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Ulasan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif

**“DARIPADA ANDA
UNTUK MEREKA”**

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara kamu dengan berlaku adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat. ”

(An-Nisa': 58)



مجلس أئمام إسلام
دان عادت ملايو في را

مليس ائلام اسلام دان عادت ملايو في را

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Bismilahi Rahmanir Rahim

Isu kegawatan ekonomi dunia kembali membahang disepanjang tahun fiskal 2015. Meskipun, terpaksa berdepan kejutan luaran yang ketara, ekonomi Malaysia masih mampu berada kekal pada landasan pertumbuhan yang baik. Disebalik landskap ekonomi dan kewangan negara yang penuh cabaran, Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (Majlis) telah berjaya mencatatkan keputusan baik. Perkembangan ini memberikan natijah, bahawa, sokongan dan keyakinan masyarakat Muslim, khususnya di Negeri Perak, terhadap Pentadbiran Majlis masih kekal utuh dan konsisten.



Ditubuhkan sebagai salah sebuah badan berkanun negeri, Majlis telah dimandatkan sebagai pihak berkuasa utama di Negeri Perak selepas Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan dalam segala urusan berkaitan hal ehwal pentadbiran Agama Islam. Fungsi dan peranan Majlis, sebagai muasasah Islam perdana yang memberikan khidmat kepada muslimin dan muslimat di negeri ini, dianggap relevan dan vital terhadap daya usaha untuk membangun dan memperkasa ummah demi mempertahankan kesucian dan syiar Islam.

Kejayaan Majlis sudah tentunya diasaskan kepada faktor keseimbangan antara *Habluminallah* (hubungan dengan Allah) dan *Habluminnas* (hubungan sesama manusia) yang menjadi teras kepada landasan kehidupan manusia di dunia. Dalam hal ini, Majlis bertindak sebagai medium penghubung di antara pihak yang ingin melaksanakan ibadah seperti yang telah disyariatkan dengan pihak yang memerlukan pembelaan seperti yang disyariatkan juga. Justeru, Majlis menjadi pemegang amanah untuk mengendalikan perbendaharaan umat Islam yang menjadi wadah rujukan kepada masyarakat yang benar-benar memerlukan talian hayat demi kelangsungan hidup mereka.

Berpaksikan kesedaran dan keikhlasan masyarakat Muslim melunaskan tanggungjawab mereka untuk berzakat, serta intuisi dan keinsafan untuk menyumbang kepada agama melalui medium sedekah dan wakaf, perbendaharaan yang dikenali sebagai baitulmal telah berjaya diperkuuhkan dengan peningkatan dana terutamanya dana zakat. Alhamdulillah, buat julung kalinya, Majlis berjaya merekodkan pencapaian pungutan zakat tertinggi semenjak penubuhannya.



Justeru, lakaran pencapaian yang direkodkan bagi tahun 2015 merupakan cerminan tekad, iltizam dan rasa keinsafan seluruh warga, khususnya di Negeri Perak, secara sinergi dan kolektif membantu Majlis melestarikan sumber demi mempertahankan kelangsungan ummah dengan mengurangkan insiden kemiskinan serta merapatkan jurang sosio ekonomi di kalangan masyarakat Muslim di negeri ini.


ULASAN KEPUTUSAN

Pada peringkat Kumpulan, Majlis telah berjaya mencatatkan keputusan yang agak baik walaupun sedikit terkesan akibat kegawatan ekonomi yang melanda. Aset bersih @ Dana Kumpulan mencatatkan penurunan sebanyak -1.86% atau RM5.69 juta, daripada RM306.12 juta dicatatkan pada tahun 2014 kepada RM300.43 juta dicatatkan pada tahun 2015. Manakala, pada peringkat Majlis sendiri, aset bersih turut mengalami penurunan -2.3% daripada RM208 juta dicatatkan pada tahun 2014 kepada RM203.22 juta dicatatkan pada 2015. Namun demikian, berdasarkan kududukan kewangan semasa, asas kewangan Majlis masih kekal teguh dan berdaya maju.

Alhamdulillah, pungutan zakat dan fitrah bagi tahun 2015, berjaya merekodkan peningkatan yang cemerlang. Berbanding pungutan dicatatkan bagi tahun 2014 berjumlah RM120.04 juta, berlaku peningkatan sebanyak 13.55% atau RM16.26 juta, menjadikan jumlah pungutan zakat tahun 2015 melonjak kepada RM136.31 juta. Catatan ini merupakan rekod pencapaian tertinggi pungutan zakat Majlis setakat ini.

Perkembangan ini memberikan indikasi positif, bahawa, walau dalam keadaan ekonomi tertekan, umat Islam tidak meninggalkan kewajipan berzakat dan amalan bersedekah. Selain kepatuhan kepada kehendak syariah, kecenderungan ini juga didorong oleh faktor *insaniyyah* (kemanusiaan sejati), di mana, golongan berkemampuan melahirkan keikhlasan mereka untuk membantu saudara sel-slam yang tidak bernasib baik dan memerlukan bantuan atas semangat *ikhwanul muslimim*, lebih-lebih lagi ketika kos sara hidup yang kian menghimpit.

Walaupun, secara relatifnya pungutan zakat meningkat pada tahun kewangan semasa, namun prestasi kewangan dari sudut pemasaran pungutan dan agihan telah menunjukkan pengurangan bersih sebanyak -RM40.83 juta akibat pengagihan yang melebihi pungutan.




Rajah 2: Carta perbandingan pungutan dan agihan zakat keseluruhan 2015

Selain zakat, pungutan hasil daripada sumber am baitulmal turut mengalami peningkatan yang amat baik. Berbanding pungutan hasil dicatatkan bagi tahun 2014 berjumlah RM9.85 juta, berlaku peningkatan 54.58% atau RM5.38 juta, menjadikan jumlah pungutan hasil melonjak kepada RM15.23 juta pada tahun 2015.

Perkara ini disebabkan peningkatan drastik pengagihan zakat pada tahun semasa, akibat pertambahan aktiviti berbentuk *one offs*, iaitu, peruntukan di bawah asnaf fisabilillah bagi membina sebuah asrama pelajar di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) bernilai RM15.5 juta, dan juga peruntukan di bawah asnaf muallaf bagi menaik taraf Sekolah Agama Rakyat (Orang Asli) Nurul Hidayah di Kampung Kenang, Sungai Siput (Utara) bernilai RM4 juta.

Selain daripada itu, kenaikan juga berlaku di bawah agihan aktiviti sedia ada, terutamanya asnaf fakir dan miskin kesan daripada peningkatan permohonan bantuan sebagai reaksi terhadap persekitaran ekonomi semasa.



Rajah 3: Carta perbandingan pungutan hasil keseluruhan sumber am tahun 2014-2015

ULASAN OPERASI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Rajah 4: Logo rasmi PKEINPK Sdn. Bhd.

Pada peringkat Kumpulan, keputusan kewangan sumber am baitulmal Majlis telah digabungkan dengan keputusan kewangan syarikat subsidiari, iaitu - PKEINPK Sdn. Bhd. (PSB), sebuah entiti perniagaan milikan penuh Majlis yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965. Berdasarkan keputusan bagi tahun 2015, Kumpulan telah mencatatkan lebihan pendapatan sebelum cukai dan zakat berjumlah RM7.53 juta, menurun 38.62% berbanding catatan tahun lalu berjumlah RM12.26 juta.

Penurunan ini berlaku disebabkan pengurangan ketara dalam penjanaan hasil daripada sektor perladangan sawit yang dikendalikan oleh PSB, ekoran proses penanaman semula yang sedang giat dilaksanakan ke atas sebahagian daripada ladang yang diusahakan. Dalam tempoh tiga tahun, usaha ini dijangka akan meningkatkan pulangan hasil yang lebih tinggi kepada PSB ke arah melestarikan sumber penjanaan hasil dana sumber am baitulmal.


DARIPADA ANDA UNTUK MEREKA

Peningkatan pungutan zakat yang ketara pada tahun 2015 merupakan petunjuk utama yang menyaksikan peningkatan kepercayaan dan keyakinan masyarakat kepada Majlis sebagai pentadbir zakat. Bagaimanapun, kejayaan ini tidak mungkin dicapai tanpa kesepaduan komitmen dan kesungguhan daripada semua pihak yang memikul tanggungjawab dengan penuh amanah.

Selain memungut, Pengurusan Majlis turut digalaskan amanah mengagihkan zakat. Pengurusan Majlis amat menekankan prinsip *Insaniyyah* dalam melaksanakan agihan secara adil, saksama dan inklusif. Setiap pertimbangan dibuat atas semangat menyantuni asnaf tanpa mengabaikan parameter hukum yang ditentukan oleh Syariat. Justeru, setiap permohonan yang diterima akan diproses dan dipertimbangkan dengan adil dan saksama tanpa sebarang prejudis.

Pengurusan Majlis sentiasa bersikap responsif terhadap keperluan semasa golongan yang benar-benar memerlukan bantuan khususnya asnaf fakir dan miskin. Meskipun, peruntukan yang disediakan jauh lebih besar berbanding peruntukan bagi asnaf yang selainnya, namun, golongan ini sentiasa menjadi sasaran utama dalam pengagihan zakat, bersesuaian dengan prinsip keutamaan sedekah yang dianjurkan oleh syariat, iaitu, menangani isu kefakiran dan kemiskinan dalam masyarakat. Penekanan ini juga bersesuaian dengan prinsip *insaniyyah* seperti yang diterapkan oleh Pengurusan Majlis dalam mengendalikan dana zakat.

Bagi tahun 2015, jumlah agihan asnaf fakir dan miskin mencecah RM95.63 juta, meningkat 39.20% atau RM26.93 juta, berbanding agihan pada tahun sebelum berjumlah RM68.70 juta.



Rajah 5: Carta perbandingan agihan zakat mengikut asnaf secara keseluruhan tahun 2014-2015

Ibarat kata pepatah “segan berkayuh, perahu hanyut”¹, golongan asnaf yang mempunyai potensi, daya usaha dan keinginan tinggi untuk memajukan diri perlu diberi rangsangan, bimbingan, panduan dan bantuan untuk meningkatkan keberdayaan dan ikhtiar diri bagi mencari nafkah hingga akhirnya berupaya pula meningkatkan kualiti hidup.

Justeru, Majlis telah menyediakan pelbagai program pembangunan asnaf yang memfokuskan kepada pemerkasaan modal insan dengan matlamat untuk memupuk semangat berdikari di kalangan asnaf untuk meneroka dan menceburi pelbagai bidang perusahaan dan kerjaya. Program-program yang disusun memberi fokus kepada pembangunan ilmu dan kemahiran tertentu di samping bantuan modal sama ada berbentuk kewangan dan barang dalam pelbagai bidang keusahawanan yang bersesuaian dengan trend pasaran dan permintaan semasa.

Antara program baru diperkenalkan dan berjaya dilaksanakan pada tahun 2015, ialah Program Latihan Kemahiran yang mensasarkan 66 orang anak-anak asnaf fakir dan miskin dalam bidang kimpalan, pengendalian kren beroda /berantai dan *scaffolding* yang menjanjikan jaminan kerjaya berpendapatan tinggi setelah mereka menamatkan latihan. Program ini akan diteruskan pada masa akan datang dengan memperluaskan lagi skop latihan kepada bidang-bidang kemahiran lain yang mempunyai permintaan tinggi kepada industri.



Selain itu, Program Usahawan Asnaf yang dinamakan sebagai Proper A, yang disertai seramai 55 orang perantis usahawan yang berpotensi besar dalam pelbagai bidang keusahawanan masing-masing telah berjaya memperbaiki taraf hidup keluarga dengan memperoleh purata pendapatan bulanan RM3,000. Mereka telah berjaya membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan atas daya usaha mereka sendiri. Malah, kejayaan yang lebih manis, tiga daripada kalangan Usahawan Proper A ini, telahpun mula mengeluarkan zakat. Ini bermakna, mereka telah berjaya merubah kehidupan daripada penerima bantuan kepada penyumbang zakat.

Selain daripada program-program pemerkasaan asnaf yang fokus kepada golongan asnaf yang masih mempunyai kemampuan dan daya usaha dari segi fizikal dan mental untuk berusaha mencari nafkah, Majlis sama sekali tidak mengabaikan golongan yang tidak bernasib baik, hilang mata pencarian dan tiada daya untuk berusaha akibat kemalangan, sakit dan faktor lanjut usia.

Pada tahun 2015, Majlis telah mengagihkan bantuan kewangan berbentuk saraan tetap bulanan berjumlah RM25.24 juta (2014: RM19.88 juta), yang dimanfaatkan oleh 7,981 orang. Bagi membantu golongan fakir miskin mendapat kediaman yang lebih selesa, Majlis telah membiayai pembinaan rumah kediaman baharu sebanyak 236 unit yang menelan kos keseluruhan RM10.08 juta serta membiayai kos baik pulih rumah sebanyak 416 unit yang menelan kos keseluruhan RM6.18 juta.

Bagi membantu golongan yang tidak berkemampuan mendapatkan rawatan perubatan yang baik, khususnya kepada pesakit buah pinggang yang terpaksa berdepan dengan kos rawatan yang begitu tinggi, Majlis telah mengambil inisiatif menyalurkan pembiayaan bagi rawatan hemodialisis berjumlah RM21.74 juta (2014: RM21.54 juta) yang dimanfaatkan oleh 725 orang.

¹ Peribahasa Melayu bermaksud – jika malas berusaha pasti ditimpah kesusahan

MELESTARIKAN AMANAH MEMBANGUNKAN HARTA

Seiring dengan peranan Majlis sebagai pemegang amanah tunggal kepada harta baitulmal dan wakaf di dalam Negeri Perak, pihak Pengurusan Majlis sentiasa bersikap proaktif dan terbuka dalam memastikan harta-harta tersebut diselenggarakan dan dimajukan dengan cara yang paling optimum demi kemaslahatan ummah.

Pengurusan Majlis, menerusi Bahagian Hartanah dan Pelaburan telah mengadakan beberapa kerjasama strategik dengan PKENPK Sdn. Bhd. (PSB) selaku syarikat subsidiari Majlis untuk membangunkan harta-harta baitulmal dan wakaf. Salah satu projek pembangunan yang mula diusahakan pada tahun 2015 ialah projek pembangunan bercampur di atas tanah berkeluasan 1.87 ekar, terletak bersebelahan dengan Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, Ipoh, iaitu tempat di mana ibu pejabat Pengurusan Majlis kini beroperasi.



Perjanjian usaha sama pembangunan tanah tersebut bersama-sama dengan pihak pemaju terpilih, iaitu, UDA Waqf Sdn. Bhd., telah ditandatangani pada 13 Februari 2015 di hadapan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfurlah.

Projek ini dijangka melibatkan keluasan kasar pembangunan lebih kurang 36,000 kaki persegi mengandungi dua komponen bangunan utama, iaitu, bangunan komersil tiga tingkat dan bangunan kediaman berbentuk *apartment* berjumlah 144 unit.

Cadangan pembangunan yang dirancang, sekiranya dapat direalisasikan kelak, akan menjadi satu lagi mercu tanda bangunan Islamik di Bandar Ipoh bercirikan reka bentuk moden dengan penerapan unsur-unsur Islamik, tidak hanya sekadar imej luaran tetapi juga merangkumi kemudahan, penggunaan ruang dan susun atur dalaman bangunan. Perjanjian usaha sama yang dirintis oleh Majlis ini merupakan salah satu inisiatif pembangunan komersil berskala sederhana besar menerusi usaha niaga strategik dengan pihak korporat, seiring kepesatan pembangunan harta-harta di Negeri Perak.



Langkah ini juga mencerminkan usaha dan iltizam pihak Pengurusan Majlis untuk memajukan dan memanfaatkan harta-harta baitulmal dan wakaf sebagaimana yang telah diamanahkan selain menimba pengalaman serta meneroka peluang baharu terutamanya di bidang harta-harta berskala besar sebagai salah satu pendekatan mempelbagaikan sumber pendapatan Majlis selain zakat.

Selain daripada itu, PSB selaku agensi yang menjadi sayap pelaburan utama bagi Majlis turut melaksanakan projek-projek pembangunan komersil yang berdaya maju atas kapasitinya sendiri. Salah satu projek pembangunan yang dilancarkan pada tahun kewangan semasa ialah Cadangan Pembangunan Tanah Seluas 1.2 Ekar di atas Tanah Milik Yayasan Tun Hamdan. Lokasi tapak berada di persimpangan Jalan Raja Musa Mahadi (Taman Cempaka) Ipoh.



Cadangan awal projek pembangunan yang akan dilaksanakan sepenuhnya oleh PSB melibatkan 13 unit rumah kedai 3 tingkat dengan reka bentuk terkini. Selain daripada itu, cadangan pembangunan tersebut akan turut menempatkan pusat aktiviti Yayasan Tun Hamdan di samping membantu menjana dana bagi membiayai aktiviti yayasan berkenaan.

"ADAT BERTENTU, BILANG BERATUR"²

Langkah untuk memperkasakan pengurusan Majlis telah bermula seawal 2010 lagi apabila kepimpinan pentadbiran Majlis dipisahkan secara jelas menerusi pindaan ke atas Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (pindaan pada tahun 2009). Jawatan ketua pentadbiran yang sebelum ini disandang secara automatik oleh Pegarah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk), kini terpisah secara hakiki dengan kewujudan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis yang tersendiri.

Setelah lima tahun berlalu, usaha memperkuatkannya kualiti penyampaian perkhidmatan Majlis telah dilaksanakan dengan giat terutamanya dalam aspek pentadbiran. Sebagai langkah memantapkan tenaga kerja, struktur perjawatan Pengurusan Majlis telah diperkemaskan dan distrukturkan semula dengan mengambil kira keperluan sumber manusia yang optimum. Proses penstrukturran ini telah diaplikasikan sepenuhnya pada tahun semasa. Berdasarkan struktur yang berkuatkuasa kini, hierarki Pengurusan Majlis dipecahkan kepada dua kluster utama iaitu – Bahagian Pengurusan Zakat serta Bahagian Hartanah dan Pelaburan diletakkan di bawah penyeliaan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), manakala, Bahagian Khidmat Pengurusan serta Bahagian Kewangan pula diletakkan di bawah penyeliaan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan).

Selain itu, bagi memastikan jentera pentadbiran Majlis melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya dengan cekap, telus dan berkesan, Majlis telah menstrukturkan mandat kelulusan kepada beberapa peringkat Jawatankuasa Baitulmal dalam mempertimbangkan setiap permohonan yang diterima, khususnya permohonan bagi mendapatkan bantuan zakat. Dengan mekanisme yang teratur lagi sistematik, pengagihan zakat diperkemaskan dan proses kelulusan dapat dipercepatkan. Terdapat tiga peringkat jawatankuasa yang berkuat kuasa kini, iaitu, Jawatankuasa Baitulmal Daerah, Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan dan Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi.

Seiring dengan usaha penerapan budaya kerja berprestasi tinggi, Pengurusan Majlis telah mula mengorak langkah awal bagi mengoptimalkan penggunaan kecanggihan teknologi maklumat dengan menambah baik sistem sedia ada serta mengadaptasi sistem yang baru bagi meningkatkan kualiti, kecekapan dan keberkesanan kerja.

Sistem e-Syura yang mula digunakan sepenuhnya pada tahun 2012 untuk mengautomasikan proses kelulusan mesyuarat secara atas talian, bertujuan mempercepatkan penjanaan minit mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa Baitulmal, agar masa untuk mengambil tindakan ke atas setiap permohonan bantuan dapat disingkatkan. Pada tahun 2015, sistem tersebut telah diperbaharui dan dinaik taraf agar meliputi keseluruhan peringkat aliran kerja bermula daripada permohonan diterima, diproses, disiasat, dipertimbangkan dan akhirnya disalurkan bantuan kepada penerima.

²Peribahasa Melayu bermaksud – kerja perlu dilakukan mengikut aturan

Sistem baharu yang dinamakan i-Syura ini mula diaplikasikan sepenuhnya di dalam urusan pengagihan zakat pada tahun semasa telah banyak membantu pihak Pengurusan Majlis membuat keputusan dengan lebih adil, saksama, cepat dan tepat. Selain mengelakkan unsur penipuan di kalangan pemohon, pihak Pengurusan juga dapat memantau perjalanan proses kerja bagi setiap permohonan untuk memastikan kelancarannya agar lebih telus dan efektif.

Aspek pengurusan kewangan turut menjadi komponen utama dalam usaha transformasi yang giat dilaksanakan. Penyelenggaraan rekod-rekod kewangan dan perakaunan yang sebelum ini mengadaptasi sistem kerja separa automasi, di mana, sebahagian proses kerja masih lagi dilaksanakan secara manual, kini direformasikan dan disepadukan dengan penggunaan sistem berkomputer sepenuhnya dinamakan sebagai Sistem Perakaunan Bersepadu MAIPk (e-SPB). Sistem ini dibangunkan sendiri oleh Majlis dengan mengambil kira ciri-ciri kewangan Majlis yang unik dan tersendiri dengan bantuan tenaga pakar tempatan yang terdiri daripada kalangan syarikat IT bumiputra Muslim. Sistem e-SPB ini telah diintegrasikan dengan sistem i-Syura bagi menyediakan pangkalan data sehenti bagi kesemua maklumat kewangan Majlis.

Bagi memastikan keselamatan dan segala kerahsiaan data dan maklumat Majlis sentiasa dipelihara selamat, Sistem Pencegahan Pencerobohan Data atau *Intrusion Preventive System* telah diwujudkan dan dipantau selia oleh Unit Teknologi Maklumat Majlis dengan fungsi utamanya untuk mencegah pencerobohan daripada pihak luar ke atas pangkalan dan sistem-sistem aplikasi termasuklah portal Majlis.

MERINTIS HALA TUJU MEMACU MASA HADAPAN

Majlis selaku institusi bertanggungjawab membangunkan sosio-ekonomi ummah terutamanya di dalam Negeri Perak akan terus menjadi institusi yang relevan dan semakin penting di arus perdana dalam membantu Kerajaan Negeri mengangkat martabat ummah. Majlis berperanan merapatkan jurang ekonomi masyarakat serta melibatkan diri secara aktif dalam usaha menangani insiden kemiskinan khususnya di kalangan masyarakat Muslim di negeri ini.

Bagi Pengurusan Majlis pula, penerapan budaya kerja berprestasi tinggi yang menekankan aspek progresif, inovatif dan kreatif dalam pengurusan operasi Majlis akan terus diamalkan agar kualiti penyampaian perkhidmatan dapat diperbaiki dan ditingkatkan dari semasa ke semasa. Pada masa yang sama, usaha meningkatkan penjanaan hasil baitulmal sama ada bersumberkan dana zakat, wakaf mahupun sumber am akan terus dirintis dan dilipatgandakan demi kepentingan dan kemaslahatan ummah.

Berbekalkan semangat kerja berpasukan yang menjadi teras kekuatan Pengurusan Majlis dalam mengharungi pelbagai cabaran – berdepan pelbagai rintangan, iltizam dan keyakinan diri untuk terus maju sentiasa disemat dan ditempa kemas di dalam sanubari setiap warga kerja Majlis. Justeru, Pengurusan Majlis mengambil sikap optimistik dan berkeyakinan tinggi bahawa, sokongan berterusan warga Muslim terhadap institusi baitulmal akan terus mantap dan penjanaan sumbernya akan terus diperkasakan. Justeru, bersandarkan keyakinan dan tawakal kepada Rabul Jalil, Pengurusan Majlis berasa yakin untuk meletakkan sasaran yang lebih tinggi pada tahun hadapan.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Pengurusan Majlis, yang mewakili seluruh warga kerja, patik merafakkan junjungan setinggi-tinggi kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak atas kepercayaan dan keyakinan Baginda Tuanku mengamanah kepada patik sekalian untuk mengemudi bahtera baitulmal sebagai wadah yang memberi khidmat kepada muslimin dan muslimat di seluruh Negeri Perak Darul Ridzuan. Amanah yang terjunjung di atas batu jemala patik sekalian akan digalas sebaik mungkin dengan tekad dan keazaman yang tinggi. Sesungguhnya, patik sekalian merasakan Baginda Tuanku sentiasa berada dekat di hati dan keperihatinan Baginda Tuanku dalam segala kerja buat patik sekalian memberikan semangat kepada patik sekalian untuk terus gigih melaksanakan tugas dan tanggungjawab demi membangunkan ummah.

Rasa penghargaan juga turut disampaikan kepada barisan kepimpinan Anggota Majlis atas sokongan, kepercayaan, bimbingan dan panduan serta menyumbangkan buah fikiran yang bernalas dalam membantu pihak Pengurusan Majlis mengekalkan prestasi dan kualiti perkhidmatan yang cemerlang kepada masyarakat.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terima kasih disampaikan juga kepada Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan di atas sokongan yang berterusan kepada Majlis. Tidak ketinggalan juga kepada badan-badan kerajaan dan semua badan lain yang berkaitan, rakan strategik, para pelanggan dan, orang ramai khususnya rakyat Negeri Perak yang turut memberikan sokongan yang berterusan kepada Majlis. Sesungguhnya, tanpa dokongan anda, Majlis tidak mampu berdiri sebagai agensi pembela ummah seperti yang terzahir ketika ini.

Akhir sekali, saya merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua warga kerja Majlis atas sokongan dan komitmen yang tidak berbelah bagi dalam memastikan kejayaan yang ditempa bagi tahun kewangan 2015 ini tercapai dengan cemerlang. Ingatlah, anda semua merupakan insan terpilih yang tertanggung pada bahu masing-masing tugas dan tanggungjawab yang penting lagi berat, untuk memikul amanah bagi memastikan laungan moto yang tergema direalisasikan secara nyata – “Memperteguh Syariat, Melestari Adat”.

**Dr. Amiruddin bin Muhammed
Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak**




Daripada ‘Adi bin Hatim RA bahawasanya Rasulullah SAW bersabda, “Takutlah kamu akan api neraka walaupun dengan bersedekah sebelah buah tamar.”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)



مجلس ائمۃ اسلام مکان عطاء مهیو شیراق

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ‘ADAT MELAYU PERAK



PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

مجلis ائام اسلام ملان عادلة مهليو شيراتون

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

PENGENALAN

Penyataan ini disediakan berpandukan Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman – Garis Panduan bagi Pengarah Penerbit Tersenarai (Garis Panduan) yang dikeluarkan pada 31 Disember 2012. Garis Panduan ini memberi panduan kepada syarikat-syarikat bagi mematuhi perenggan 15.26(B) Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia dan Prinsip 6 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang dikeluarkan pada Mac 2012. Sebagai sebuah badan berkanun, tidak ada keperluan bagi Pengurusan Majlis untuk mematuhi garis panduan tersebut. Bagaimanapun, Pengurusan Majlis berpegang teguh kepada ketetapan untuk mengikuti amalan urus tadbir yang baik dan telah memilih untuk mematuhi garis panduan tersebut. Penyataan ini menggariskan jenis dan skop sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Pengurusan Majlis sepanjang tahun kewangan dalam tinjauan ini.

TANGGUNGJAWAB DAN KEBERTANGGUNGJAWABAN

Persidangan Majlis menetapkan hala tuju strategik keseluruhan Pengurusan Majlis, Persidangan Majlis memainkan peranan fungsi pengawasan dan memastikan pengurusan mempunyai sistem pengurusan risiko yang berkesan dan sistem kawalan dalaman yang mantap bagi mengekalkan tadbir urus yang baik.

Persidangan Majlis bertanggungjawab ke atas pengawasan risiko utama Pengurusan Majlis dan menitikberatkan pengurusan risiko di setiap operasi dan proses Pengurusan Majlis. Persidangan Majlis juga memperakui bahawa sistem kawalan dalaman yang mantap dapat memastikan pencapaian objektif Pengurusan Majlis tidak terjejas, operasi Pengurusan Majlis yang berkesan dan cekap, pelaporan kewangan yang andal, pematuhan ketat terhadap undang-undang dan peraturan yang diguna pakai serta perlindungan aset Majlis yang wajar. Persidangan Majlis memperakui sistem kawalan dalaman Majlis yang direka bentuk oleh Pengurusan adalah bertujuan untuk menangani dan mengurangkan risiko, dan bukannya untuk menyingkirkan sama sekali risiko yang boleh memberi impak kepada pencapaian mandat dan objektif Pengurusan Majlis.


Semakan terhadap keberkesanannya, integriti dan kesempurnaan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Pengurusan Majlis merupakan satu proses bersepada dan berterusan. Proses ini melibatkan Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Pengurusan, Audit Dalaman dan Khidmat Perundingan serta Juruaudit Luaran Majlis.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Rangka kerja Pengurusan Risiko Pengurusan Majlis adalah berasaskan amalan terbaik Piawaian bagi Risiko Australia / New Zealand (AS/NZS 4360:2004). Rangka kerja Pengurusan Risiko menggariskan tadbir urus dan struktur, proses serta tanggungjawab pengurusan risiko di seluruh Pengurusan Majlis. Rangka kerja ini juga memberi Pengurusan Majlis satu instrumen untuk membuat unjuran dan mengurus kedua-dua risiko sedia ada dan yang berpotensi dengan mengambil kira perubahan dalam persekitaran operasi luaran dan dalaman Pengurusan Majlis.

Struktur pengawasan Pengurusan Risiko memastikan bahawa aktiviti-aktiviti pengurusan risiko kekal sesuai dan berhemat, dan risiko utama diurus dan dipantau secara berterusan menurut kecenderungan risiko Majlis.

Unit Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko juga bertindak sebagai sekretariat kepada Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Sebagai sekretariat, Unit Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko bertanggungjawab bagi pembangunan, pelaksanaan dan penyenggaraan polisi dan prosedur Pengurusan Risiko Majlis. Unit Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko menyokong Pengurusan dengan menjalankan aktiviti Pengurusan Risiko, menyediakan penilaian keupayaan Pengurusan Risiko Majlis dan memberi cadangan yang sesuai bagi penambahbaikan, jika diperlukan.



RANGKA KERJA KAWALAN DALAMAN

Rangka Kerja Kawalan Dalaman Pengurusan Majlis diasaskan kepada rangka kerja yang ditetapkan oleh Pengurusan berpandukan Pekeling dan Arahan Perbendaharaan. Rangka Kerja Kawalan Dalaman menyediakan Pengurusan Majlis dengan instrumen yang memastikan sistem kawalan dalaman yang sesuai dan mantap diwujudkan dan dikenalkan. Rangka kerja ini juga membantu pengurusan melaksanakan penilaian tahunan bagi tahap pematuhan Pengurusan Majlis terhadap kawalan dalaman. Rangka Kerja Kawalan Dalaman merangkumi lima komponen yang saling berkaitan iaitu persekitaran kawalan, penilaian risiko, aktiviti kawalan, maklumat dan komunikasi serta proses pemantauan berterusan.

ULASAN KEBERKESANAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

JAWATANKUASA

Persidangan Majlis telah menubuhkan beberapa jawatankuasa-jawatankuasa yang bertindak dan mengamalkan urus tadbir yang baik, telus dan berakauntabiliti serta berintegriti. Setiap jawatankuasa memainkan peranan sebagai pandu arah, pemantau dan menyediakan khidmat nasihat kepada operasi agar bergerak pada landasan dasar dan polisi yang telah ditetapkan oleh Persidangan Majlis. Jawatankuasa-jawatankuasa yang terlibat secara langsung dengan kawalan dalaman adalah Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Audit. Namun terdapat juga jawatankuasa-jawatankuasa kerja induk yang terlibat secara tidak langsung dengan kawalan dalaman seperti Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Akaun, Jawatankuasa Tender, Jawatankuasa Lantikan dan Jawatankuasa Tatatertib.

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Peranan utama Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah membantu pengurusan dalam memastikan kelancaran dan keteguhan kerangka kerja pengurusan risiko bagi mendepani segala rintangan untuk mencapai objektif organisasi. Terma Rujukan dan polisi aktiviti-aktiviti pengurusan risiko Jawatankuasa Risiko di Majlis dijelaskan secara terperinci di muka surat 40 pada Laporan Tahunan ini.

JAWATANKUASA AUDIT

Peranan utama Jawatankuasa Audit adalah menilai keperluan dan keberkesanan kerangka kerja kawalan dalaman Majlis termasuklah memastikan perlaksanaan polisi kawalan, dan memantau integriti kawalan dalaman serta sistem pengurusan informasi menerusi fungsi Audit Dalam. Pada masa yang sama, Persidangan Majlis menyelia laporan kewangan Majlis bagi memastikan ia dibentang dengan tepat dan menggambarkan status prestasi kewangan Majlis yang sebenar serta mematuhi undang-undang dan kehendak standard penyediaan laporan kewangan seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Audit Negara.

PENGURUSAN

Pihak Pengurusan mengambil maklum bahawa tanggungjawab mereka dalam melaksanakan proses mengenalpasti, menilai, memantau dan melaporkan risiko serta kawalan dalaman memerlukan ketelitian dan masa bagi langkah pembetulan yang perlu diambil.

Pengurusan memberi jaminan kepada Persidangan Majlis bahawa pengurusan risiko dan kawalan dalaman diuruskan dengan baik dan berkesan. Pengurusan telah melaksanakan proses-proses yang diperlukan seperti:

- Mengenalpasti dan menganalisa insiden risiko di Majlis dan menilai pencapaian objektif serta menetapkan strategi
- melaksanakan kerangka kerja pengurusan risiko dan memantau agar tersusun mengikut strategi ditetapkan
- Mengenalpasti perubahan akibat kewujudan risiko, mengambil tindakan yang sewajarnya serta segera mendapatkan perhatian Persidangan Majlis

AUDIT DALAMAN

a) Persekutaran Kawalan

Persekuturan kawalan adalah merujuk kepada struktur organisasi dan budaya kerja yang diterapkan oleh Pengurusan bersama pekhidmat-pekhidmat untuk mengekalkan sokongan organisasi terhadap kawalan dalaman yang efektif. Komitmen Pengurusan untuk membina dan mengekalkan keberkesanan kawalan dalaman adalah melalui struktur organisasi, jawatankuasa-jawatankuasa kerja, nilai korporat (muafakat, akrab, integriti, profesionalisme dan kesederhanaan), etika kerja, objektif organisasi dan polisi-polisi yang ditetapkan.

b) Penilaian Risiko

Penilaian Risiko adalah proses mengenalpasti dan menganalisa risiko yang mengganggu gugat usaha merealisasikan objektif organisasi. Mengurus risiko adalah tanggungjawab bersama. Oleh itu, proses-proses interaksi melibatkan langkah-langkah yang teliti dan teratur sentiasa dititikberatkan dalam setiap keputusan atau ketetapan yang hendak diputuskan. Pekhidmat juga dibenarkan dan digalakkan agar mengenalpasti risiko di persekitaran tempat kerja masing-masing. Malah, pekhidmat diminta menilai tahap keberkesanan kawalan dalaman yang dipraktiskan.

c) Aktiviti Kawalan

Yang dimaksudkan oleh aktiviti kawalan adalah merujuk kepada aktiviti pengauditan yang membantu Pengurusan melaksanakan tanggungjawab dengan lancar dan baik.

Aktiviti pengauditan memberi perhatian kepada Indeks Kecemerlangan Pengurusan Kewangan (IKPK) yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara,Malaysia, melibatkan 10 aspek kawalan. Butiran mengenainya adalah seperti di Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Bil	Aspek Kawalan
1.	Pengurusan Operasi
2.	Pengurusan Bajet
3.	Pengurusan Terimaan
4.	Pengurusan Perolehan
5.	Pengurusan Perbelanjaan
6.	Pengurusan Kumpulan Wang Amanah, Akaun Amanah Dan Deposit
7.	Pengurusan Aset Kerajaan
8.	Pengurusan Pelaburan
9.	Pengurusan Pinjaman
10.	Penyata Kewangan

Secara keseluruhannya urus tadbir dan akauntabiliti pengurusan kewangan bagi tahun 2015 adalah baik. Pematuhan, kawalan dalaman dan pemantauan yang berterusan ke atas pematuhan prosedur-prosedur kewangan telah dapat mengurangkan teguran-teguran pengurusan yang berbangkit dari segi ketidakpatuhan terhadap prosedur-prosedur pentadbiran dan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

Tahap pengurusan aset alih adalah memuaskan dan perlu ditingkatkan supaya sistem penyampaian dan akauntabiliti perkhidmatan dicapai.

Latihan/bengkel perlu diadakan secara berterusan supaya pekhidmat-pekhidmat Majlis kini sentiasa berpengetahuan dan mahir melaksanakan tanggungjawab. Pelaksanaannya perlu lebih komprehensif supaya perkhidmatan yang berwawasan, berintegriti dan berkualiti dapat ditingkatkan.

d) Informasi dan Komunikasi

Maklumat-maklumat penting yang dikenalpasti, diambil perhatian dan dibincangkan dalam medium yang bersesuaian. Walaupun tidak menjadi polisi komunikasi yang rasmi, Pengurusan Majlis mengamalkan komunikasi secara terbuka. Komunikasi terbuka ini adalah budaya yang mampu memotivasi pekhidmat untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti. Dimensi-dimensi komunikasi diterap dengan baik bagi memastikan keperluan dan kehendak pelanggan dapat ditangani serta memperlihatkan komunikasi yang berkesan. Dengan itu, maklum balas tahap perkhidmatan juga adalah dialu-alukan demi proses penambahbaikan perkhidmatan.

e) Pemantauan

Memantau keberkesanan kawalan dalaman adalah satu kewajiban bagi setiap jabatan. Penilaian secara berkala dilaksanakan sebagai komitmen berterusan termasuklah pelaporan kewangan setiap suku tahun, pelaporan pencapaian petunjuk prestasi utama serta pelaporan etika dan tingkah laku semua pekhidmat.



LAPORAN JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

KEAHLIAN



Keahlian Jawatankuasa adalah dilantik oleh Persidangan Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak daripada kalangan ahli-ahli Persidangan Majlis yang memiliki pengetahuan dan pengalaman dalam pengurusan risiko. Ahli-ahli tersebut adalah seperti berikut:

BIL	NAMA	JAWATAN
1	YBhg. Dato' Dr. Syed Jaafar bin Syed Aznan	Pengerusi
2	YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini	Ahli
3	YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed	Ahli
4	YBhg. Tuan Haji As'ad bin Awang	Ahli
5	YBhg. Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor	Ahli
6	YBrs. Dr. Amiruddin bin Muhamed	Setiausaha

RINGKASAN TERMA RUJUKAN



Terma Rujukan memantapkan kedudukan kuasa, tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Kunci utama peranan dan tanggungjawab jawatankuasa diringkaskan seperti berikut:

- i. Menyemak dan mengesyorkan dasar, strategi pengurusan dan had penerimaan risiko.
- ii. Menyemak semula dan menilai keupayaan strategi, dasar, kerangka kerja dan tatacara pengurusan risiko bertujuan untuk mengenalpasti, mengukur, memantau serta mengawal risiko secara lebih efektif.
- iii. Memastikan prasarana, sumber dan sistem disediakan dengan lengkap bagi meminimumkan risiko.
- iv. Menyemak laporan berkala berkaitan pendedahan terhadap risiko, komposisi portfolio risiko dan aktiviti-aktiviti pengurusan risiko yang dilaksanakan oleh Pengurusan Majlis.
- v. Melaporkan perkara-perkara pengurusan risiko kepada Persidangan Majlis.



LAPORAN AKTIVITI PENGURUSAN RISIKO

RISIKO OPERASI



Pada tahun 2015, beberapa aktiviti yang dilaksanakan bagi menangani risiko-risiko operasi yang dikenalpasti. Antara risiko operasi yang telah ditangani adalah bencana, ketidakstabilan sistem yang dibangunkan, serangan siber, keselamatan pejabat dan keselamatan teknologi maklumat.

Bahagian Inspektorat Pematuhan dan Perlindungan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia telah memberi pengiktirafan Status Keselamatan Perlindungan Majlis di tahap Memuaskan (3 bintang) pada tahun 2014. Maka, pada tahun 2015, Pengurusan Majlis melalui Jawatankuasa Keselamatan Jabatan (JKJ) meneruskan untuk memberi perhatian dan mengambil tindakan segera kepada beberapa kekurangan yang dilaporkan dalam Laporan Inspektorat

Keselamatan Perlindungan Penuh. JKJ menjalankan *Self Auditing* tahunan bagi memastikan tiada aktiviti-aktiviti pelanggaran keselamatan berlaku. Antara penekanan yang diberikan adalah keselamatan dokumen, keselamatan fizikal dan keselamatan persekitaran.

Pengurusan Majlis juga terus memberi komitmen berkaitan persediaan terhadap bencana dengan mengadakan perbincangan bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat. Selain memastikan persediaan serta keperluan keselamatan dalam keadaan baik, taklimat tindakan kecemasan ketika kebakaran telah diadakan dan disampaikan kepada semua pekhidmat Majlis sebagai langkah kesedaran.

Pengurusan Majlis telah mewujudkan satu *task-force* bagi mengatasi ketidakstabilan sistem kewangan yang dibangunkan iaitu sistem perakaunan bersepadan (e-SPB). *Task-force* yang ditubuhkan terdiri daripada Unit Teknologi Maklumat, Unit Kewangan dan Pihak Pembekal. Kumpulan ini telah menjalankan analisa secara terperinci modul dan transaksi kewangan supaya data kewangan adalah benar dan saksama (fairly stated)

Pada tahun 2015, ada amaran diterima daripada pihak teknologi maklumat peringkat negeri (SUK) berkaitan serangan siber oleh penggodam terhadap portal-portal agensi kerajaan. Pengurusan Majlis mengambil langkah wajar dan berjaga-jaga.

Dasar Keselamatan ICT (DKICT) yang diperakuan oleh Jawatankuasa Pemandu ICT(JPICT) menjadi panduan bagi pematuhan keselamatan teknologi maklumat terutamanya daripada berlaku kecurian data. Manakala Pelan Pemulihan Bencana (DRP) pula sentiasa dikemaskini dan diuji bagi memastikan data sentiasa dihantar sebagai pendua ke pusat pemulihan bencana. Ia adalah langkah penting bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan dapat dilaksanakan sekiranya berlaku bencana.

RISIKO KEWANGAN

Pematuhan Pekeliling Perbendaharaan sering dipantau oleh Unit Audit Dalam. Sebarang kesalahan walaupun kecil dibangkitkan dan diberi teguran dalam beberapa medium yang tersedia seperti Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA).

Kewangan dengan teguran pada 2014 telah diambil langkah proaktif.

RISIKO REPUTASI

Sebagai mitigasi kepada risiko ketidakpatuhan syariah, Pengurusan Majlis sentiasa merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa yang dapat memberi pandangan dan memutuskan sebarang tindakan operasi kerja Majlis agar menghormati dan mematuhi hukum syarak.

Bahagian Khidmat Pengurusan terutamanya Unit Sumber Manusia dan Unit Latihan sentiasa memberi penekanan terhadap risiko yang melibatkan disiplin, imej serta integriti pekhidmat. Oleh itu, pembudayaan nilai korporat Majlis (Muafakat, Akrab, Integriti, Profesionalisme dan Kesederhanaan) menjadi satu penghayatan penting yang ditanam pada jiwa dan fikiran seluruh pekhidmat Majlis.

Perkembangan teknologi dari semasa ke semasa membentuk satu fenomena dan sistem komunikasi yang lebih luas tanpa sempadan. Penyataan-penyataan berkaitan Majlis dalam pelbagai saluran media massa dan media sosial melakar rangka baru iaitu penubuhan "Pasukan FB Zakat" bagi menangani serta menguruskan penyataan-penyataan yang memerlukan penjelasan. Langkah penubuhan pasukan ini adalah langkah mitigasi agar Majlis menyalurkan maklumat dan penjelasan yang komprehensif, tepat dan cepat kepada masyarakat.

RUMUSAN



Kejayaan perlaksanaan Pengurusan Risiko di Majlis adalah bergantung kepada penerimaan disiplin pengurusan risiko. Sebagai penghargaan, Pengurusan akan sentiasa menguruskan risiko dengan baik dan memperteguhkan disiplin serta memartabatkan pengurusan risiko kepada tahap yang lebih baik. Pengurusan risiko adalah proses yang dinamik dan memerlukan kepada pemantauan secara berterusan bagi memastikan keberkesanannya.

PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN



PENGENALAN

Pada tahun 2015, Pengurusan Majlis terus memberikan penekanan kepada Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP). Pengurusan risiko kecemasan (ERM) sentiasa meletakkan usaha-usaha mitigasi bagi memastikan daya pulih perkhidmatan-perkhidmatan utama dalam tahap terbaik walaupun berlaku sebarang bencana.

PKP UNTUK PELANGGAN

Antara hala tuju PKP pada tahun ini, Pengurusan Majlis membuat semakan terhadap Pelan Kesinambungan Perkhidmatan khusus pada skop pelanggan. Ia merujuk kepada kesesuaian keperluan penyampaian perkhidmatan dengan peredaran masa. Maka ia melibatkan perlaksanaan analisa terhadap rantaian nilai pelanggan. Berdasarkan analisa yang dilaksanakan, Pengurusan Majlis memastikan keutuhan sistem-sistem secara optima, proses kerja yang mesra pelanggan dan efisyen serta kepelbagaian rangkaian yang berkesan. Perkara-perkara tersebut adalah bersandarkan keupayaan dalaman dan penambahbaikan yang berterusan di peringkat operasi.


PKP UNTUK PENGURUSAN PERUBAHAN

Pelan Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan dibuat semakan dan diuji secara berkala bagi memastikan penggunaan teknologi adalah yang terkini dan bersesuaian dengan perubahan keperluan perkhidmatan serta perubahan keperluan perundangan. Pengurusan Majlis juga sentiasa memberikan kesedaran kepada semua pekhidmat berkaitan kesinambungan perkhidmatan. Pasukan Kecemasan Bencana (ERT), Pasukan Pemulihan Bencana (DRT) dan Pasukan Komunikasi Krisis (CCT) yang ditubuhkan sentiasa siap siaga dengan pelan yang lengkap dan komprehensif sebagai panduan tindakan.

HALA TUJU MASA HADAPAN

Kegagalan Majlis menyedia dan menyampaikan perkhidmatan akibat kegagalan sistem operasi bukan sahaja akan memberi impak kepada pelanggan tetapi juga akan memperlihatkan kepincangan Pengurusan Majlis dalam menyempurnakan objektif organisasi. Sebagai usaha memitigasi risiko ini, Pengurusan Majlis sentiasa melaksanakan penambahbaikan dan meningkatkan pelan PKP serta program-programnya. Latihan-latihan serta persiapan bagi setiap pasukan ERT,DRT dan CCT akan terus dilaksanakan terutamanya latihan pengungsian, *fire drill*, latihan paramedik, latihan *call-tree* dan sebagainya.

Sesungguhnya, Pengurusan Majlis percaya komitmen jitu yang diberikan dalam memastikan kesinambungan perkhidmatan dan kemandirian dapat menyumbang kepada skala yang besar terhadap kestabilan organisasi.




ANALISA PENGURUSAN 2015


مجلis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

PUNGUTAN ZAKAT 2011-2015




PECAHAN PUNGUTAN ZAKAT 2015



* Tidak termasuk keuntungan bank dan pendapatan lain


AGIHAN ZAKAT 2011-2015




PECAHAN AGIHAN ZAKAT 2015




PENDAPATAN SUMBER AM 2011-2015




PECAHAN PENDAPATAN SUMBER AM 2015: **RM 15.2 JUTA**



PERBELANJAAN SUMBER AM 2011-2015



PECAHAN PERBELANJAAN SUMBER AM 2015: RM 9 JUTA



**BILANGAN PEMBAYAR ZAKAT
BAGI TAHUN 2013, 2014 DAN 2015**

BIL	DAERAH	BILANGAN PEMBAYAR		
		2013	2014	2015
1.	Ibu Pejabat	29,491	34,915	40,957
2	Batu Gajah	1,401	1,227	1,472
3.	Bagan Serai	885	1,592	1,842
4.	Gerik	342	763	651
5.	Kampung Gajah	697	1,092	1,146
6.	Kuala Kangsar	1,319	2,324	1,942
7.	Kampar	409	650	731
8.	Lenggong	220	339	365
9.	Manjung	1,596	3,191	3,361
10.	Parit Buntar	956	1,828	2,318
11.	Pengkalan Hulu	171	201	285
12.	Selama	240	476	414
13.	Seri Iskandar	734	1,610	2,006
14.	Slim River	512	892	1,237
15.	Taiping	1,626	3,671	4,308
16.	Teluk Intan	1,393	2,809	3,315
17.	Tapah	728	1,534	1,631
18.	UTC	1,287	2,151	2,573
Jumlah		44,007	61,265	70,554



PUNGUTAN ZAKAT BAGI TAHUN 2015


BILANGAN	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
1.	Zakat Fitrah	8,239,339
2.	Zakat Harta	75,699,491
3.	Zakat Perniagaan	47,472,293
4.	Zakat Tanaman	1,096,192
5.	Keuntungan Bank	3,797,807
	JUMLAH KESELURUHAN	136,305,122




AGIHAN ZAKAT BAGI TAHUN 2015

BILANGAN	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
PEMBANGUNAN ASNAF		
1.	Fakir dan Miskin	95,635,792
2.	Muallaf	11,274,260
3.	Ghorimin	1,292,569
4.	Ibnu Sabil	1,308,046
5.	Fisabilillah	45,994,282
		155,504,949
PENGURUSAN		
6.	Amil	21,631,993
	JUMLAH KESELURUHAN	177,136,942

PUNGUTAN ZAKAT BAGI TAHUN 2015



AGIHAN ZAKAT BAGI TAHUN 2015





PENDAPATAN SUMBER AM BAGI TAHUN 2015

BILANGAN	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
1.	Sewaan Hartanah	2,394,696
2.	Pelbagai Pendapatan	6,114,713
3.	Hasil Faraid	545,727
4.	Baitulmal Am	2,863,096
5.	Keuntungan Pelaburan	3,129,357
6.	Pendapatan Tertunda	181,025
JUMLAH KESELURUHAN		15,228,614

TAHUN	KUTIPAN (RM)
2013	8,214,335
2014	9,851,167
2015	15,228,614



PERBELANJAAN SUMBER AM BAGI TAHUN 2015


BILANGAN	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
1.	Emolumen	2,310,938
2.	Bekalan/ Perkhidmatan	2,832,277
3.	Perbelanjaan Lain	1,414,869
4.	Pembangunan Ummah	1,791,971
6.	Susutnilai	677,226
JUMLAH KESELURUHAN		9,027,281

TAHUN	PERBELANJAAN (RM)
2013	5,985,699
2014	7,031,758
2015	9,027,281

PENDAPATAN SUMBER AM BAGI TAHUN 2015



PERBELANJAAN SUMBER AM BAGI TAHUN 2015





SENARAI TANAH WAKAF YANG DIWARTAKAN PADA TAHUN 2015

BIL	DAERAH	PEJABAT PENTADBIRAN MAIPk	JUMLAH LOT
1.	Kinta	Ipoh	8
		Batu Gajah	7
2.	Kerian	Parit Buntar	3
		Bagan Serai	2
3.	Larut dan Matang	Taiping	5
4.	Selama	Selama	1
5.	Kuala Kangsar	Kuala Kangsar	13
6.	Hulu Perak	Lenggong	1
		Gerik	-
		Pengkalan Hulu	-
7.	Kampar	Kampar	2
8.	Batang Padang	Tapah	1
		Slim River	2
9.	Hilir Perak	Teluk Intan	2
10.	Perak Tengah	Seri Iskandar	9
		Kampong Gajah	3
11.	Manjung	Manjung	4
Jumlah			63




*Hadits Jâbir bin Abdillah Radhiyallahu anhu bahwa beliau mendengar Nabi SAW bersabda:
Semua yang diairi dengan sungai dan hujan maka diambil sepersepuluh dan yang diairi dengan disiram dengan pengairan maka diambil seperduapuluhan*

(HR Muslim)



مَجْلِسُ اِحْمَامِ اِسْلَامِ مَالَكَةِ مَهْرِيُوْ شِيرَاق

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK




INFORMASI KORPORAT

مليس اقام اسلام دان عاده مelayu شيراق

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Carta Struktur Fungsi



Carta Organisasi



Ketua Pegawai Eksekutif

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)

Penolong Setiausaha Pejabat

Penolong Setiausaha Pejabat

Bahagian Kridmat Pengurusan

Pengurus Besar

Pengurus Besar

Pengurus Besar

Pengurus Kanan Unit Perkhidmatan Dan Pentadbiran

Pengurus Kanan Unit Bajet Dan Akaun

Pengurus Kanan Unit Dakwah Dan Operasi

Pengurus Kanan Unit Agihan Dan Pembangunan Asnaf

Pengurus Unit Pembangunan Insan

Pengurus Unit Teknologi Maklumat

Pengurus Unit Perhubungan Korporat

Pengurus Unit Perancangan Strategik

Penolong Pengurus Unit Undang- undang

Penolong Pengurus Unit Audit Daaman

Atase Pendidikan Perak (Mesir)

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan)

Penolong Setiausaha Pejabat

Pentadbiran Daerah/ UTC

Bahagian Hartanah Dan Pelaburan

Bahagian Pengurusan Zakat

Pengurus Besar

Pengurus Besar

Pengurus Besar

Pengurus Unit Pelaburan

Pengurus Unit Operasi dan Pemasaran

Pengurus Unit Hartanah

Pengurus Unit Ummah

Pengurus Unit Teknikal

Penolong Pengurus Unit Kewangan

Unit Agihan

Unit Hartanah

Unit Pentadbiran

Jawatankuasa - Jawatankuasa Utama

Jawatankuasa Fatwa

PENGERUSI

YABhg SS. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria

Jawatankuasa Penggubalan Undang-Undang Syariah

PENGERUSI

YB. Dato' Rohana binti Abd Malek

Jawatankuasa Audit

PENGERUSI

YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed

Jawatankuasa Pelantikan Pegawai MAIPk

PENGERUSI

YBrs. Dr. Amiruddin bin Muhammed

Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi

PENGERUSI

YBrs. Dr. Amiruddin bin Muhammed

Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan

PENGERUSI

YBrs. Encik Mohd Hadi bin Sulaiman

Jawatankuasa Tatatatertib

PENGERUSI

YBhg. Dato' Haji Mohamed Hashim bin Kasmon

Jawatankuasa Risiko

PENGERUSI

YDH.Toh Muda Orang Kaya Besar Maharaja Diraja Dato' Dr. Syed Jaafar bin Syed Aznan

Jawatankuasa Tender

PENGERUSI

YB. Dato' Haji Mohd Gazali bin Jalal

Jawatankuasa Baitulmal Daerah

Daerah Kuala Kangsar

PENGERUSI

YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato' Seri Wan Mohd Fathir @ Wan Fadzir bin Wan Hussain

PENGERUSI BERSAMA

Tuan Haji Wan Mohammad Jamil bin Mior Zakaria

Daerah Taiping dan Selama

PENGERUSI

YDH. Toh Muda Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Encik Wan Mohd Isa bin Dato' Wan Mohd Razali

PENGERUSI BERSAMA

Encik Kamaruddin bin Awang

Daerah Kerian

PENGERUSI

YDH.Toh Muda Orang Kaya-Kaya Laksamana Raja Mahkota Dato' Haji Meor Redwan bin Mahayudin

PENGERUSI BERSAMA

YBhg Dato' Haji Hamzah bin Hussin

Daerah Teluk Intan

PENGERUSI

YDH. Toh Muda Orang Kaya-Kaya Laksamana Raja Mahkota Dato' Seri Mohd Amin Shukeri bin Dato' Ali Akbar

PENGERUSI BERSAMA

Tuan Haji Zamari bin Mohd Ramli

Daerah Pengkalan Hulu, Gerik dan Lenggong

PENGERUSI

YDH.Toh Seri Bijaya Leftenan Kol (B) Dato' Shaharudin bin Haji Nazari

PENGERUSI BERSAMA

Tuan Haji Mohd Tahir bin Osman

Daerah Ipoh dan Batu Gajah

PENGERUSI

YBhg. Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Dato' Seri Amar Bangsa Diraja Dato' Seri Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan

PENGERUSI BERSAMA

YBhg. Dato' Jamry bin Sury

Daerah Slim River dan Tapah

PENGERUSI

YBhg. Orang Kaya-Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja Dato' Seri Yeop Junior bin Haji Yeop Adlan

PENGERUSI BERSAMA

Tuan Haji Razali bin Bakar

Daerah Seri Iskandar dan Kg. Gajah

PENGERUSI

YBhg. Orang Kaya-Kaya Setia Bijaya Diraja Dato' Seri Haji Mohd Ghazali bin Haji Abd. Rahman

PENGERUSI BERSAMA

Tuan Haji Mad Dan bin Hassan

Daerah Kampar

PENGERUSI

YDH Toh Paduka Indera Dato' Haji Zubairi bin Tajuddin

PENGERUSI BERSAMA

YBhg. Dato' Ismail bin Hassan

Daerah Manjung

PENGERUSI

YDH Toh Muda Orang Kaya Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja Dato' Ab. Wahab bin Dato' Azizul Hassan

PENGERUSI BERSAMA

YBrs Tuan Haji Zamari bin Mohd Ramli

Ex-Officio



YB. Dato' Seri Abdul Puhat
Bin Mat Nayan



YB. Dato' Rohana
Binti Abd Malek



YB. Dato' Haji Mohd Ghazali
Bin Jalal



YB. Dato' Drs. Haji Mohd Nizar
Bin Zakaria



YABhg. SS. Tan Sri Dato' Seri
(Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria



YBhg. Dato' Haji Mohd Yusop
Bin Haji Husin



YAA. Tuan Haji Asa'ari
Bin Haji Mohd Yazid

Ahli Yang Dilantik



YBhg. Dato' Haji Mohamah Nor
Bin Mansor



YBhg. Profesor Dato' Dr Ansary
Bin Ahmed



YABhg. Dato' Seri Mohd Annuar
Bin Zaini



YABhg. Orang Kaya Temenggong
Paduka Raja Dato' Seri Wan Mohd
Fathir @Wan Fadzir
Bin Wan Hussain



YDh. Toh Seri Bijaya Lt.Kol (B)
Dato' Shaharudin Bin Haji Nazari



YBhg. Orang-Orang Kaya Imam
Paduka Tuan Dato' Dr. Afifi Al-Akiti



YBhg. Tuan Haji As'ad
Bin Awang



YBhg. Dato' Haji Md Salleh
Bin Haji Ahmad



YBhg. Tan Sri Dato' Prof. Dr. Nordin
Bin Kardi



YBhg. Dato'(Dr) Haji Abd Malek
Bin Awang Kechil



YDh. Toh Muda Orang Kaya Besar
Maharaja Diraja Dato' Dr. Syed Jaafar Bin
Syed Aznan Jamalullail



YBrs. Dr. Amiruddin Bin Muhammed



YDh.SDCP Dato' Haji Osman Bin Haji
Salleh



YBhg. Dato' Zainal Adzam
Bin Abd. Ghani

Pegawai Ibu Pejabat



1. DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
2. ENCIK MOHD HAIDI BIN SULAIMAN
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PENGURUSAN)
3. PUAN HAJAH WAN MAIZURA BINTI HAJI WAN ZAHARI
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(PEMBANGUNAN)
MERANGKAP PENGURUS BESAR BAHAGIAN HARTANAH
DAN PELABURAN

4. ENCIK BAKRI BIN LEE
PENGURUS BESAR BAHAGIAN ZAKAT
5. ENCIK ROHIZAN BIN HAJI OMAR
PENGURUS BESAR BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
6. ENCIK ARIFF BIN APANDI
PENGURUS BESAR BAHAGIAN KEWANGAN
7. PUAN NOOR WAHIDA BINTI ABU SEMAN
PENGURUS KANAN UNIT AGIHAN DAN
PEMBANGUNAN ASNAF
8. ENCIK AHMAD NAZIM BIN MD.TAJURI
PENGURUS KANAN UNIT DAKWAH DAN PROMOSI

Pegawai Ibu Pejabat

9. ENCIK ZULFADLI BIN BAHARUM
PENGURUS UNIT HARTANAH
10. ENCIK AHMAD NAZRI BIN HASSAN
PENGURUS UNIT PERKHIDMATAN DAN SUMBER MANUSIA
11. CIK ZALAEHA BINTI WAN DIN
PENGURUS UNIT PEMBANGUNAN INSAN
12. PUAN NORFAZILAH BINTI BAWADI
PENGURUS UNIT PERANCANGAN STRATEGIK DAN RISIKO
13. ENCIK WAN ABDUL HALIM HAFIDZ BIN MOHD AMIN
PENGURUS UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
14. ENCIK AMIRUL ADZHIM BIN ZAINUL ANUAR
PENGURUS KEWANGAN
15. ENCIK ZUL-AZRI BIN HOSAINI
PENGURUS UNIT PEMBANGUNAN UMMAH
16. ENCIK MOHD LATIFF BIN TALIB
PENGURUS UNIT DAKWAH DAN OPERASI
17. ENCIK NABIL FIKRI BIN MOHAMAD
PENGURUS UNIT PELABURAN



Pegawai Baitulmal Daerah



1 ENCIK AHAMAD MUZAMMIL BIN ARBAIN
Batu Gajah

5 ENCIK S.DAUD BIN SHEHAMY
Taiping

2 ENCIK AHMAD FADZIL BIN MUSTAFFA
Seri Iskandar

6 ENCIK MOHAMAD RAZIF BIN MOKHTAR
Kampung Gajah

3 ENCIK DZUILBAZLI BIN MAHAMD ALI
Slim River

7 ENCIK MOHAMAD HAFIZI BIN MOHAMAH NOR
Manjung

4 ENCIK AMIRUDIN BIN OSMAN
Gerik

8 ENCIK MOHD AZWARI BIN MOHD IZROI
Lenggong

Pegawai Baitulmal Daerah



9 ENCIK HAMDI BIN OTHMAN
Tapah

13 ENCIK NORAIZAD BIN ROSLI
Kampar

10 ENCIK MOHD HAFIZZIE BIN ABD KARIM
Selama

14 ENCIK SAIFUL AZHAR BIN SARIBAN
Pengkalan Hulu

11 ENCIK MOHD SAUFI BIN IBRAHIM
Bagan Serai

15 ENCIK SHAIFUL NIZAM BIN NOT
Teluk Intan

12 ENCIK MUHAMMAD FAIZ BIN ZAKARIA
Kg. Gajah

16 ENCIK SUHAIMI BIN YUSOFF
Kuala Kangsar




Daripada Jarir bin 'Abdillah RA katanya : Aku telah mengaku serta berjanji kepada Nabi SAW : Bahawa aku akan tetap mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat dan memberi nasihat yang baik kepada setiap orang Islam.

(Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

مَجْلِسُ اَحْمَامِ اِسْلَامِ مَالَانِ عَادَاتِ مَهْلِيَّوْ شِيرَاقْ

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK



SOROTAN AKTIVITI TERAS SEPANJANG 2015

مجلis ائام اسلام مالان عاداة مهليو شيراتق

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

SOROTAN AKTIVITI TERAS SEPANJANG 2015



7 Januari 2015



23 Januari 2015



27 Januari 2015



28 Januari 2015



24 Februari 2015

7 Januari 2015
Operasi Bantuan Banjir Changkat Bota

23 Januari 2015
Majlis Serahan Bantuan Modal di KIDR, Ipoh

27 Januari 2015
Penyerahan Bantuan Mangsa Banjir di Lambor

28 Januari 2015
Bantuan Mangsa Banjir di Tasik Banding

24 Februari 2015
Jejak Asnaf Ipoh

26 Februari 2015
Serahan zakat oleh Telekom Malaysia di KIDR, Ipoh

3 Mac 2015
Majlis Serahan Bantuan Komputer Riba di Tingkat 2, KIDR

28 Mac 2015
Majlis Pelancaran Program Pemerksaan Asnaf di Stadium Indera Mulia, Ipoh

9 April 2015
Majlis Pelancaran Kiosk Dobi di Ipoh

17 April 2015
Majlis Serahan Bantuan Biasiswa Pelajaran di Ting 2, KIDR



26 Februari 2015



3 Mac 2015



28 Mac 2015



9 April 2015



17 April 2015



23 April 2015



12 Mei 2015



21 Mei 2015



26 Mei 2015

23 April 2015
Majlis Penyerahan Kunci Bantuan Bina Rumah di Kg Manjoi, Ipoh

12 Mei 2015
Majlis Penyerahan Bantuan Bot di Gerik

21 Mei 2015
Bantuan Skuad Prihatin Asnaf di Kg Manjoi, Ipoh

26 Mei 2015
Majlis Penyerahan Zakat Oleh PLUS di Gerik



5 Jun 2015



4 Julai 2015



9 Julai 2015



31 Julai 2015

5 Jun 2015
Majlis Penyampaian Peruntukan Projek Baikpulih Masjid & Surau Negeri Perak Darul Ridzuan

4 Julai 2015
Bayaran Terimaan Zakat Perniagaan Daripada Sektor Korporat Di Istana Kuala Kangsar



9 Ogos 2015



14 Ogos 2015



27 Ogos 2015



3 September 2015

9 Julai 2015
Program Singgah Ramadhan di Ipoh

31 Julai 2015
Penyerahan Zakat Oleh ETIQA di Hotel Einstein, Penang

9 Ogos 2015
Pembentangan Projek Inovasi E-Spzb di Pejabat SUK Perak

14 Ogos 2015
Majlis Menandatangani MOU Untuk Kursus Pengendalian Kren Anak-Anak Asnaf di Ting 2, KIDR



14 September 2015



3 Oktober 2015



13 Oktober 2015



15 Oktober 2015

14 September 2015
Penyerahan Zakat Oleh Koperasi Kuala Kuang di Tingkat 4, KIDR

3 Oktober 2015
Karnival Ukhwah Di Mydin Mall Meru Raya

13 Oktober 2015
Kunjungan Hormat DRB-Hicom Di Tingkat 6, Wisma DRB Hicom

15 Oktober 2015
Majlis Diskusi Dan Pelantikan Amil Khas di Hotel Casuarina Meru, Ipoh

SOROTAN AKTIVITI TERAS SEPANJANG 2015



18 Oktober 2015



17 November 2015



30 November 2015



4 Disember 2015



10 Disember 2015



14 Disember 2015



15 Disember 2015



30 Disember 2015



31 Disember 2015

18 Oktober 2015

Kem Motivasi Asnaf di Batu Kurau

17 November 2015

Kunjungan Hormat Ke Amanah Raya Berhad di Wisma Amanah Raya Kuala Lumpur

30 November 2015

Penyerahan Zakat Perniagaan Oleh Bank Pembangunan Malaysia Bhd dan PL Credit & Factoring Sdn Bhd di Pejabat Jabatan Mufti Negeri Perak

4 Disember 2015

Majlis Penyerahan Zakat Oleh NAFAS di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar

10 Disember 2015

Majlis Penyerahan Bantuan Pasca Banjir di Pejabat MAIPk Parit Buntar

14 Disember 2015

Majlis Penyerahan Bantuan Bina Rumah Maybank di Selama

15 Disember 2015


Ziarah Korporat Di Ipoh, Batu Gajah, Parit & Manjung

30 Disember 2015

Kunjungan Hormat Ke Boustead Holdings Bersama Mufti Di Tingkat 28, Menara Boustead, Kuala Lumpur

31 Disember 2015

Majlis Serahan Zakat Perniagaan oleh GNT Sdn Bhd di Bilik Asy-Shafie, KIDR



SOROTAN AKTIVITI DALAMAN SEPANJANG 2015

مجلis ائام اسلام مالان عاداة مهليو شيرماق

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

SOROTAN AKTIVITI DALAMAN SEPANJANG 2015



Bengkel Pencapaian KPI



Majlis Pesaraan



Perhimpunan Bulanan

15 – 17 Januari 2015

Bengkel Pencapaian KPI 2014 Dan Penetapan KPI 2015 di Marina Island Pangkor Resort & Hotel, Lumut

23 Januari 2015

Majlis Pesaraan Pn Pauziah binti Husin di Dewan Al Ghazali, KIDR

10 Mac 2015

Perhimpunan Bulan Bil. I/2015 di Dewan Al Ghazali, KIDR

12 Mac 2015

Kelas Pemahaman Modul Unit Pelaburan, BHP di Bilik Mesyuarat Ting. 2, KIDR

19 Mac 2015

Kelas Pemahaman Modul Unit Pembangunan Ummah dan Unit Operasi, BHP di D'hotel Seri Iskandar

8 April 2015

Kelas Pemahaman Modul Unit Pelaburan, BHP di Dewan Al Ghazali, KIDR



Kelas Pemahaman Modul Unit Pelaburan



Kelas Pemahaman Modul Unit Pembangunan Ummah dan Unit Operasi



Kelas Pemahaman Modul Unit Pelaburan



Kelas Pemahaman Modul Unit Hartanah



Kelas Pemahaman Modul Unit Pembangunan Ummah dan Unit Operasi,



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun Penilaian 2014 dan Pesaraan Encik Mohamad Puad bin Ariffin

9 April 2015

Kelas Pemahaman Modul Unit Hartanah, BHP di Dewan Al Ghazali, KIDR

11 Mei 2015

Kelas Pemahaman Modul Unit Pembangunan Ummah dan Unit Operasi, BHP di Dewan Al Ghazali, KIDR

28 MEI 2015

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun Penilaian 2014 dan Pesaraan Encik Mohamad Puad bin Ariffin di Dewan Al Ghazali, KIDR



Kelas Pemahaman Modul Unit Pelaburan BHP



Kelas Pemahaman Modul Unit Hartanah BHP



Perhimpunan Bulanan

3 Jun 2015

Kelas Pemahaman Modul Unit Pelaburan, BHP di Dewan Al Ghazali, KIDR

9 Jun 2015

Kelas Pemahaman Modul Unit Hartanah, BHP di Dewan Al Ghazali, KIDR

8 Julai 2015

Perhimpunan Bulanan MAIPk Bil. 2 / 2015 di Dewan Al Ghazali, KIDR

31 Julai – 2 Ogos 2015

Bengkel Pencapaian dan Kajian Semula KPI 2015 di Ancasa Residences, Port Dickson

17 – 19 Ogos 2015

Kursus Asas Perakuan Mutu Kerja Dan Projek Binaan Siri 2 di Hotel Taiping Perdana, Taiping

24 – 28 Ogos 2015

Kursus Induksi Khusus MAIPk 2015 di Hotel Impian Morib, Banting Selangor



Bengkel Pencapaian dan Kajian Semula KPI



Kursus Asas Perakuan Mutu Kerja Dan Projek Binaan Siri 2



Kursus Induksi Khusus MAIPk



Taklimat Pengendalian Matawang oleh Bank Negara Malaysia



Kelas Pemahaman Modul Laporan KPI/SKT/LNPT



Kursus Pengenalan kepada Logam Emas Serta Kaedah Penentuan Komposisi dan Berat Emas

22 September 2015

Taklimat Pengendalian Matawang oleh Bank Negara Malaysia di Dewan Al Ghazali, KIDR

30 September 2015

Kelas Pemahaman Modul Laporan KPI/SKT/LNPT di Dewan Al Ghazali, KIDR

13 Oktober 2015

Kursus Pengenalan kepada Logam Emas Serta Kaedah Penentuan Komposisi dan Berat Emas di Dewan Al Ghazali, KIDR

SOROTAN AKTIVITI DALAMAN SEPANJANG 2015



Bengkel Pemurnian Klasifikasi Fail MAIPk



Kursus Pengurusan Stress



Bengkel Sistem i-Syura

21 – 23 Disember 2015

Lawatan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JPAK) MAIPk ke Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Johor



26 – 28 Oktober 2015

Bengkel Pemurnian Klasifikasi Fail MAIPk di Hotel Taiping Perdana, Taiping




18 – 19 November 2015

Kursus Pengurusan Stress Pekhidmat Bahagian Kewangan di Sedim Rainforest Resort, Kulim Kedah

23 – 26 November 2015

Bengkel Sistem i-Syura di Institut Latihan Universiti (ILU), Kg Gajah



LAPORAN KEWANGAN

مجلis ائام اسلام ملان عاداة مهليو شيرماق

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 dan Penyata Bagi Pendapatan Zakat, Penyata Bagi Pendapatan Sumber Am Baitulmal, Penyata Bagi Perubahan Kumpulan Wang Baitulmal dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Anggota Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Pindaan 2012). Anggota Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang

benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persempahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

i. Wang Tunai Di Tangan Dan Di Bank

Sejumlah RM1,411,021 wang tunai di tangan dan di bank telah terlebih nyata kerana terdapat transaksi tidak diambil kira, direkodkan dan diakaunkan di dalam penyata kewangan.

ii. Pembiutang Dan Belanja

Sejumlah RM1,005,183 akaun pembiutang dan belanja telah terlebih nyata kerana transaksi telah direkodkan sebanyak dua kali.

iii. Baucar Jurnal

Pihak Audit tidak dapat mengesahkan kesahihan semua transaksi melalui Baucar Jurnal kerana tiada dokumen sokongan dilampirkan bagi menyokong transaksi yang dibuat.

Pendapat Berteguran

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia kecuali yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.


Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang

dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjelaskan penyata kewangan.


Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain

Selaras dengan keperluan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Pindaan 2012) di Malaysia, saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya:

- i. Rekod perakaunan dan rekod lain telah diselenggara dengan teratur selaras dengan Seksyen 74, Enakmen tersebut;
- ii. Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan serta pelupusan aset oleh Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah selaras dengan peruntukan Enakmen tersebut; dan
- iii. Aset dan liabiliti telah dinyatakan dengan saksama selaras dengan polisi perakaunan.


(SAHARUDDIN BIN MAHAMUD)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

IPOH
15 MEI 2017




MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) (Pindaan) 2012]

PENYATA ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Kami, **Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria**, PSM, DSA., SPMP., DPMP., JSM., AMN., PKT., PJK., dan **Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed**, DPMP., DJN., yang merupakan dua orang Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak ('Majlis'), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Perolehan dan Agihan Dana Zakat, Penyata Pendapatan Sumber Am Baitulmal, Penyata Perubahan Kumpulan Wang Baitulmal dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini, berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak pada 31 Disember 2015 dan hasil kendaliannya, serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,



PROFESOR DATO' DR. ANSARY
BIN AHMED
(DPMP., DJN.)
Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif
Asia e-University

merangkap,

Anggota Majlis Agama Islam dan
'Adat Melayu Perak

Tarikh: 27 JAN 2017



TAN SRI DATO' SERI (DR.) HAJI HARUSSANI
BIN HAJI ZAKARIA
(PSM., DSA., SPMP., DPMP., JSM., AMN., PKT., PJK.)
Mufti Kerajaan Negeri Perak

merangkap,

Anggota Majlis Agama Islam dan
'Adat Melayu Perak

Tarikh: 27 JAN 2017

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) (Pindaan) 2012]

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**


Saya, **Dr. Amiruddin Bin Muhamed**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dengan ikhlas mengakui bahawa, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Perolehan dan Agihan Dana Zakat, Penyata Pendapatan Sumber Am Baitulmal, Penyata Perubahan Kumpulan Wang Baitulmal dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa, ianya itu adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

(Signature of Dr. Amiruddin Bin Muhamed)

DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED
Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas, **Dr. Amiruddin Bin Muhamed, No. Kad Pengenalan 720313-08-6139**, di Ipoh, Perak Darul Ridzuan, di hadapan saya,

pada **27 JAN 2017**



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2015

Nota	KUMPULAN		MAJLIS	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
ASET				
Aset bukan semasa				
Hartanah, loji dan peralatan	4	10,028,275	11,546,413	1,053,864
Hartanah pelaburan	5	78,795,771	78,881,463	67,108,130
Aset dalam kemajuan	6	47,456,639	41,876,611	-
Pelaburan dalam subsidiari	7	-	-	20,000,000
Pelaburan saham	8	33,125,818	33,733,922	6,814,320
Pelaburan sekuriti lain	9	47,815,769	38,142,346	47,815,769
Aset cukai tertunda		348,344	237,359	-
Jumlah aset bukan semasa		217,570,616	204,418,114	142,792,083
Aset semasa				
Inventori	10	343,305	780,363	-
Penghutang	11	4,136,434	3,352,984	1,584,280
Pelbagai penghutang	12	10,893,278	11,487,852	1,138,027
Jumlah terhutang oleh Perbadanan berkaitan		-	15,137	-
Deposit dengan institusi kewangan berlesen	13	120,465,124	133,847,910	95,059,000
